AKADEMI SAINS MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2005
ANNUAL REPORT



In Pursuit of Excellence in Science

Pernyataan Misi

Mission Statement

……mencapai, menggalak, serta meningkatkan kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi khusus untuk kemajuan dan pembangunan Negara dan juga untuk kebaikan manusia sejagat.

…… the pursuit, encouragement and enhancement of excellence in the fields of science, engineering and technology for the development of the nation and the benefit of mankind.

Akademi Sains Malaysia / Academy of Sciences Malaysia
902-4, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

Tel: 603-2694 9898
Fax: 603-2694 5858
E-mail: admin@akademisains.gov.my

© Akademi Sains Malaysia 2006

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise without permission of the Copyright owner.

Kandungan

Contents

1-10 Laporan Presiden | *President's Report*

12-15 Fungsi ASM | *Functions of ASM*

16-21 Felo Kehormat | *Honorary Fellows*

22 Felo Kanan | *Senior Fellows*

23 Felo Baru | *New Fellows*

24-29 Senarai Felo | *List of Fellows*

30 Ahli Majlis | *Council Members*

31 Mesyuarat Majlis | *Council Meetings*

32 Mesyuarat Agung Tahunan Kesepuluh
10th Annual General Meeting

33-37 Jawatankuasa Kerja dan Pasukan Bertindak
Working Committees and Task Force

38 Carta Organisasi ASM | *ASM Organisational Chart*

39 Sekretariat | *Secretariat*

40 Dalam Kenangan | *In Memoriam*

AKTIVITI-AKTIVITI *ACTIVITIES*

44-49 Acara Utama 2005 | *2005 Highlights*

52-59 Projek ASM di Bawah Rancangan Malaysia Kelapan
ASM Projects under Eighth Malaysia Plan

62-67 Nasihat kepada Kerajaan | *Advice to Government*

70-77 Program Kecemerlangan Saintifik | *Scientific Excellence Programme*

80-92 Program Kesedaran Sains | *Science Awareness Programme*

96-106 Program Antarabangsa | *International Programme*

107 Penerbitan | *Publications*

109 Akronim | *Acronyms*

PENYATA KEWANGAN *STATEMENT OF ACCOUNTS*

Laporan Presiden

President's Report



Tan Sri Datuk Dr Ahmad Zaharudin Idrus FASc
Presiden, Akademi Sains Malaysia
President, Academy of Sciences Malaysia

Saya dengan ini berbesar hati melaporkan aktiviti tahunan Akademi Sains Malaysia bagi tahun 2005. Di sini, anda akan dapat melihat bukti perkembangan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Akademi. Tahun 2005 juga merupakan tahun yang istimewa kerana kita menyambut ulang tahun ke-10.

Sesungguhnya sambutan ulang tahun merupakan suatu yang bermakna untuk mengingati kembali nostalgia dan kenangan lampau. Ia merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan pada waktu ini. Perjalanan Akademi Sains Malaysia bermula sejak awal 80-an apabila tercetusnya idea oleh saintis yang prihatin tetapi hanya pada bulan Ogos 1992, kertas cadangan bagi penubuhan Akademi Sains, Kejuruteraan dan Teknologi di Malaysia diserahkan kepada Majlis Kebangsaan bagi Penyelidikan dan Pembangunan (NCSRD) untuk pertimbangan.

I am pleased to report on the activities of the Academy of Sciences Malaysia for 2005. In this report of our programmes and activities, you will see evidence of the robust health of our Academy. The year 2005 was also a special year for us because it marked our 10th anniversary.

An anniversary, of course, is an appropriate occasion for nostalgia and a 'look back'. A critical appraisal of the accomplishments of this august body is an imperative at this juncture. The journey for the Academy of Sciences Malaysia began way back in the early eighties when the idea was first mooted by concerned scientists but it was only in August 1992, that the proposal for the establishment of an Academy of Science, Engineering and Technology of Malaysia was presented to the National Council of Research and Development (NCSRD) for its consideration.

Majlis telah bersetuju dengan saranan tersebut dan memutuskan bahawa Akademi mestilah merupakan badan bebas yang patut menjana hubungan erat dengan Kerajaan bagi memastikan keberkesanan rancangan dan aktiviti yang dijalankan. Kertas cadangan untuk membangunkan Akademi Sains Malaysia akhirnya diluluskan oleh Kabinet pada bulan November 1993. Kabinet juga meluluskan peruntukan pembiayaan sebanyak RM12.4 juta kepada Akademi. Kertas cadangan bagi Akademi Sains Malaysia telah dibentangkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada sesi Parlimen Julai 1994 dan telah diluluskan oleh kedua-dua Parlimen. Oleh itu, Akademi Sains Malaysia mula dibangunkan di bawah Akta Akademi Sains 1994 dan mula dikuat kuasakan pada 1 Februari 1995.

The Council subsequently agreed to the recommendation that the Academy should be an independent body and that the Academy should establish strong linkages with the Government to ensure effective implementation of its plans and activities. The Bill to set up the Academy of Sciences Malaysia was finally approved by the Cabinet in November 1993 along with an endowment fund of RM12.4 million. The Academy of Sciences Malaysia Bill was tabled by the Minister of Science, Technology and the Environment during the July 1994 session of Parliament and was passed by both Houses of Parliament. The Academy of Sciences Malaysia was thus established under the Academy of Sciences Act 1994 which came into force on 1st February 1995.

Akademi Sains Malaysia telah melangkah jauh sejak penubuhannya sepuluh tahun yang lalu. Kerja keras serta usaha bersungguh-sungguh yang telah ditunjukkan selama ini menyebabkan Akademi Sains Malaysia dikenali, baik di dalam mahupun di luar negara. Walaupun perjalanan kita masih panjang berbanding dengan sesetengah Akademi terdahulu di serata dunia, namun sekiranya kita sentiasa membina asas yang kukuh sebagaimana yang telah dibangunkan oleh Akademi, kerjasama yang erat daripada Felo Kanan dan bersama Felo, kita akan mampu mencapai sesuatu yang luarbiasa untuk kepentingan sains di negara ini.

The Academy of Sciences Malaysia has indeed come a long way since its establishment ten years ago. The hard work and perseverance shown through the years have contributed to the recognition of the role of the Academy of Sciences Malaysia both on the national and international scenes. Admittedly, we have a long road ahead of us, compared with some of our sister Academies world-wide. But if we keep building on the strong foundation the Academy has established, coupled with enhanced contribution from all Senior Fellows and Fellows, we will be able to make great strides for the benefit of science in the country.

Berdasarkan tahun lepas, terdapat beberapa acara dan perlaksanaan program yang patut kita semua ketahui. Izinkan saya mulakan dengan Projek Rancangan Malaysia ke-Lapan (RMK8). Di bawah projek ini, Akademi telah menguruskan dua projek iaitu *National Nobel Laureate Programme* dan *Malaysian Antarctica Research Programme (MARP)*. Program Penyelidikan Antartika memberi peluang kepada para saintis kita membuat penyelidikan di Antartika dan mewujudkan kerjasama dengan negara-negara lain.

In reflecting on the past year, there are a number of events and achievements that are worthy of mention. Let me begin with Eighth Malaysia Plan (8MP) Projects where the Academy manages two projects, namely the National Nobel Laureate Programme and the Malaysian Antarctica Research Programme (MARP). The Antarctica Research Programme has given our scientists valuable opportunities to do research in Antarctica and to collaborate with other countries.

Acara kemuncak pada tahun 2005 bagi Program Noble Laureate adalah *Scientific Oration* dan *Science Motivation Session* oleh Prof Sydney Brenner, Nobel Laureate dalam Fisiologi atau Perubatan 2002. Antara kejayaan lain yang ditempa di bawah *National Nobel Laureate Programme* tahun ini adalah Program Lindau. Program Lindau membenarkan penyertaan saintis muda Malaysia dalam Pertemuan Tahunan Pemenang Hadiah Nobel dengan Saintis Muda di Lindau, German. Delegasi Malaysia yang menyertai Mesyuarat Lindau 2005 merupakan kumpulan kedua saintis muda Malaysia yang menyertai mesyuarat tersebut. Aktiviti lain yang sedang dilaksanakan di bawah Program Nobel Laureate adalah *Bilateral Collaboration* bersama dengan Institut Karolinska (KI), Sweden. Ia merupakan Pusat Kecemerlangan yang berprestij dan Pusat Penganugerahan Nobel dalam Fisiologi atau Perubatan. Aktiviti ini bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan perubatan, latihan profesional dan program pembelajaran ke peringkat PhD.

Bagi tahun 2005, MARP telah mencapai banyak peristiwa penting dalam bidang pembangunan keupayaan sumber manusia. Buat masa ini, terdapat tujuh orang calon PhD bekerja dalam pelbagai bidang berkaitan Biologi Antartik, atmosfera atasan interaksi Bumi-Matahari, dan cuaca dan iklim Antartika. Terdapat seramai 21 orang calon MSc di bawah program penyelidikan MARP yang bekerja dalam bidang biologi dan sains fizikal. Anggota MARP juga telah menerbitkan 47 kertas kerja di jurnal dan prosiding. Secara keseluruhannya, sebanyak 15 projek kajian telah diambil-alih di bawah MARP yangmelibatkan 40 orang penyelidik dari 7 buah universiti. Di antara pencapaian terbesar projek tersebut termasuklah kultur alga mikro, pembangunan teknologi bagi cerakin enzim dan penyiasatan rekabentuk gen serta penemuan spesis bakteria baru di Antartika. Sememangnya MARP secara tidak langsung dapat menyumbang kepada inisiatif dalam bidang bioteknologi melalui prospek bio dari Antartika dalam bentuk *extremophiles*.

The highlight of the 2005 Nobel Laureate Programme was a Scientific Oration and Science Motivation Session by Prof Sydney Brenner, Nobel Laureate in Physiology or Medicine 2002. Another successful activity under the National Nobel Laureate Programme was the Lindau Programme which provides for the participation of young Malaysian scientists in the Annual Meeting of Nobel Prize Winners with Young Scientists at Lindau, Germany. The Malaysian delegation that participated in the 2005 Lindau Meeting was the second batch of young Malaysian scientists who attended this meeting. Another ongoing activity under the Nobel Laureate Programme is the Bilateral Collaboration with Karolinska Institute (KI), Sweden, a prestigious Centre of Excellence and Nobel Awarding Centre in Physiology or Medicine which focuses on collaboration in medical research and development, and professional training and study programmes leading to PhD degrees.

For the year 2005, MARP achieved a number of milestones in the area of human resource capacity building. Currently, there are seven PhD candidates working on various fields dealing with Antarctic biology, the upper atmosphere, solar-terrestrial interactions, and the weather and climate of Antarctica. There are also 21 MSc candidates working in the fields of biology and physical sciences. MARP members have published 47 papers in refereed journals and proceedings. On the whole, there are currently 15 research projects being undertaken under MARP involving 40 researchers from seven universities. The major outcomes of the projects include microalgae culture, development of the technology of enzyme assay and gene probe design, as well as the discovery of new species of bacteria in Antarctica. Indeed MARP has contributed significantly to the national initiative on biotechnology through bio-prospecting in Antarctica in the form of extremophiles.

Menyediakan khidmat nasihat kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara berkaitan sains, kejuruteraan dan teknologi merupakan tugas utama Akademi Sains Malaysia. Acara utama tahun ini merupakan Pengendalian Konvensyen Sains dan Teknologi Malaysia (MASTEC) 2005. MASTEC merupakan salah satu daripada acara penting Akademi di mana objektif utama adalah untuk mengadakan perundingan mengenai isu-isu terkini dalam pembangunan sains dan teknologi di Malaysia. Tema MASTEC pada tahun ini adalah *"Nurturing Effective Research Collaboration to Realise Innovation and Commercialisation for the Benefit of Society"* yang menyasarkan hubungan penyelidikan dan pembangunan di universiti dan institusi penyelidikan untuk memenuhi keperluan industri dan masyarakat. Ianya dijalankan dengan kerjasama *Malaysian Technology Development Corporation*. MASTEC 2005 telah menjana model yang berupaya memastikan kerjasama antara pemegang amanah seperti penyelidik, penggubal polisi, pengawal atur, pembiaya dan pasaran. Strategi untuk mengukuhkan kerjasama dan hubungan antara pihak yang relevan telah dikenalpasti. Kerjasama seperti ini mampu mengiatkan lagi pendidikan, pengendalian penyelidikan bagi penyelidik yang mempunyai minat yang sama dan penterjemahan keputusan penyelidikan agar kajian dan pembangunan saintifik yang relevan dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Providing independent advice to the Government on matters pertaining to science, engineering and technology has always been the major role of the Academy of Sciences Malaysia. The highlight this year is the organisation of the Malaysian Science and Technology Convention (MASTEC) 2005. MASTEC is one of the Academy's flagship events with the major objective being to deliberate on the latest issues on the development of science and technology in Malaysia. This year's MASTEC themed "Nurturing Effective Research Collaboration to Realise Innovation and Commercialisation for the Benefit of Society" was specially aimed at linking research and development in universities and research institutions to the needs of industry and society. It was organised in partnership with the Malaysian Technology Development Corporation. MASTEC 2005 has generated a model which would ensure close cooperation and collaboration between stakeholders namely researchers, policymakers, regulators, financiers and the market. Strategies to enhance cooperation and collaboration among all relevant parties were identified. Such partnerships will invigorate education, assist in conducting research of mutual interest and translate the results of research to benefit their society effectively as a means of sustaining the relevance of scientific research and development to society.

Dalam tempoh sebulan selepas kejadian tsunami pada 24 Disember 2004, sekumpulan penyelidik di bawah naungan Akademi menjalankan survey sosio-ekonomi, dan kajian impak fizikal dan kesan alam sekitar di kawasan yang terlibat. Hasil kajian telah diterbitkan. Akademi juga bekerjasama dalam mengendalikan Bengkel Kebangsaan bertajuk *"Tsunami and Earthquake Hazard Mitigation: Considerations for Malaysian Planning Design & Construction Practice."* Bengkel tersebut membincangkan dasar dan peraturan berkenaan bahaya gempabumi terhadap bangunan-bangunan di Malaysia.

Within a month after the 24 December 2004 tsunami event, a group of scientists under the auspices of the Academy undertook a socio-economic survey and physical and environmental impact study of the affected areas. The results of this study have been published. The Academy also co-organised a National Workshop on "Tsunami and Earthquake Hazard Mitigation: Considerations for Malaysian Planning Design & Construction Practice." The workshop, among others, discussed policies and regulations on earthquake hazard mitigation for buildings in Malaysia.

Sebagai sebahagian dari tugas memberi khidmat nasihat, Akademi terus mengorak langkah dalam menerajui pembaikan pendidikan Sains di negara ini di mana ia merupakan sesuatu yang relevan dan prasyarat untuk memastikan kejayaan berterusan pada masa akan datang. Saya percaya, kita tidak mampu mencipta inovasi baru dengan terbinanya industri-industri baru sekiranya jumlah saintis dan jurutera yang ada tidak mencukupi. Oleh sebab itu, Akademi Sains Malaysia sentiasa bekerja keras untuk meningkatkan pendidikan sains di negara kita bagi menarik minat generasi muda memilih bidang sains sebagai kerjaya mereka.

As part of its advisory role, the Academy continues to further the cause of better science education in the country since it is a subject which is close to our heart and a prerequisite for our continued success in the future. I believe that we cannot afford to lack the critical mass of scientists and engineers to create the next wave of innovations upon which the new industries will be built. The efforts of the Academy of Sciences Malaysia in working towards enhancing science education in our country is to attract more young people to choose science as a career.

Bagi menyerapkan budaya kecemerlangan dalam sains, Akademi Sains Malaysia telah melakar satu lagi sejarah dengan pelancaran "Anugerah Kecemerlangan Saintifik ASM Penghormatan Tun Dr. Mahathir Mohamad". Anugerah ini diberikan kepada penyelidik yang telah membuat perubahan besar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan kepada penyelidik yang membuat perubahan positif terhadap masyarakat dalam bidang Perubatan Tropika, Pertanian Tropika, Senibina dan Kejuruteraan Tropika, dan Sumber Semulajadi Tropika. Tanggungjawab sekarang terletak pada Akademi, Felo dan juga rakan kerjasama bagi mengekalkan anugerah ini dan mencapai tahap tertinggi bagi memastikan anugerah tersebut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Saya menyeru kerjasama dan sokongan anda semua untuk menjadikan anugerah ini sebagai salah satu daripada kemegahan antarabangsa. Pemenang pertama anugerah ini adalah Prof John Sheppard Mackenzie, *Curtin University of Technology,* Australia dalam bidang Perubatan Tropika.

In instilling the culture of excellence in science, the Academy of Sciences Malaysia has achieved another significant milestone with the launch of the Science Excellence Award in Honour of Tun Dr Mahathir Mohamad. This award is given to researchers who have made major breakthroughs that have gained international recognition and who have made positive impacts on society in the areas of Tropical Medicine, Tropical Agriculture, Tropical Architecture and Engineering and Tropical Natural Resources. The onus is now on the Academy and its Fellows as well as all partners to ensure that this award is sustained and that the highest standards are maintained in order for the award to gain international recognition. I would like to call upon the fullest support and contribution of all scientists in this country towards making this award one of international importance. The first recipient of this award was Prof John Sheppard Mackenzie, Curtin University of Technology, Australia, in the area of Tropical Medicine.

Pencapaian lain di bawah program Kecemerlangan Sains adalah mewujudkan *Science Advancement Research Fund* (SAGA) yang telah diberi peruntukan sebanyak RM20 juta oleh MOSTI untuk pembiayaan penyelidikan dan keutamaan diberikan kepada bidang sains asas. Objektif jangka pendek SAGA ialah untuk mempromosi dan memberi penekanan tentang peri pentingnya penyelidikan asas; menggalakkan kemajuan bagi penyelidikan

Another significant achievement under the Academy's Science Excellence programme was the establishment of the Scientific Advancement Research Fund (SAGA) that was given an allocation of RM20 million by MOSTI to fund research in priority areas of fundamental sciences. The short term objectives of SAGA are to promote and emphasise the importance of fundamental science research; encourage

sains asas; menjana keupayaan manusia dalam sains asas; dan meningkatkan kerjasama antara kumpulan penyelidik dalam bidang keutamaan negara. Kita mempunyai visi untuk mewujudkan sekumpulan saintis yang bertaraf antarabangsa dalam sains asas serta menubuhkan Pusat Kecemerlangan dalam penyelidikan asas dalam mengenalpasti bidang yang perlu diberi keutamaan. Sehingga kini, 61 projek telah dibiayai di bawah SAGA dengan jumlah peruntukan sebanyak RM15,757,570 dalam bidang Fizik, Kimia dan Fisiologi atau Perubatan. SAGA juga sedang mencari pembiayaan untuk projek penyelidikan *top-down* dan meluaskan bidang sains pada masa akan datang.

advancements in fundamental science research; develop human capital in fundamental sciences research; and enhance collaboration between research groups in priority areas in the country. It has a vision to build a pool of scientists of international standing in fundamental sciences and to create Centres of Excellence in fundamental research in identified priority areas. So far 61 projects are being funded under SAGA with a total amount of RM15,757,570 in the fields of Physics, Chemistry and Physiology or Medicine. SAGA is also looking into funding top-down research projects and expanding the fields of science in the future.

Program Kesedaran Sains merupakan satu lagi bidang teras Akademi yang sedang berkembang dan dipengaruhi oleh pelbagai aktiviti yang disediakan. Akademi telah mempromosikan kesedaran sivik tentang peri pentingnya sains, kejuruteraan dan teknologi dalam kehidupan seharian melalui penerbitan Estidoty, ceramah umum, Kuiz Sains Nasional dan pelbagai lagi. Keterangan lanjut mengenainya boleh didapati di dalam Laporan Tahunan ini. Contoh terbaik adalah kerjasama dengan sektor swasta iaitu program *Dumex National Science Quiz* untuk *Academy Science Malaysia's Challenge Trophy* dan *Intel-ASM Science Camps*.

The Science Awareness Programme is another of the Academy's thrust areas that has been growing in influence through various activities. The Academy has made a mark in promoting public awareness on the importance of science, engineering and technology in everyday life through the Estidotmy publication, various public lectures, the National Science Quiz and others that are elaborated further in the Annual Report. The Dumex National Science Quiz for the Academy of Sciences Malaysia's Challenge Trophy and Intel-ASM Science Camps are good examples of collaboration with the private sector towards achieving common goals for the benefit of mankind.

Program-program antarabangsa yang dianjurkan oleh Akademi kini semakin dikenali umum. Sebagai contoh, ASM telah berjaya membuat susulan pada Visi 1441 dalam konteks OIC dan sekarang sedang menyokong dan membantu MOSTI berkenaan pengoperasian Visi 1441 semenjak MOSTI menjadi pengerusi bagi Visi 1441 Pasukan Bertindak sehingga 2007. Dalam pada itu Mesyuarat Serantau ICSU pertama yang telah diadakan di Kuala Lumpur menyarankan agar pejabat serantau ICSU untuk Asia dan Pasifik ditubuhkan di Malaysia dan saranan ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia. Sebagai sebahagian dari proses interaksi dan rangkaian dengan institusi serantau dan antarabangsa,

The international programme of the Academy is also steadily gaining more recognition. As an example, ASM has successfully followed up on the Vision 1441 in the context of the Organisation of Islamic Countries (OIC) and now supports and assists MOSTI towards operationalising Vision 1441 since MOSTI holds the Chair of the Vision 1441 Task Force until 2007. In addition, the first ICSU Regional meeting for Asia and the Pacific which held in Kuala Lumpur recommended the setting up of an ICSU regional office for Asia and the Pacific in Malaysia which was later approved by the Government of Malaysia. As part of the Academy's continuous process of interaction and networking with regional and international

Akademi terus mengorak langkah dengan menyertai secara aktif dalam aktiviti *Third World Academy of Sciences (TWAS), Inter Academy Panel(IAP), Inter Academy Council(IAC)* dan *ASEAN Academies*. Ini merupakan pembangunan yang akan meningkatkan tugas dan fungsi Akademi pada masa hadapan.

institutions, the Academy continues its active participation in the activities of the Third World Academy of Sciences (TWAS), Inter Academy Panel(IAP), Inter Academy Council(IAC) and ASEAN Academies. These are promising developments that stand to enhance ASM's roles and functions further.

Senario Sains, Kejuruteraan dan Teknologi dalam negara ini berubah dengan pantas. Justeru, perubahan ini sudah pasti mempunyai implikasi terhadap tanggungjawab dan fungsi Akademi yang kini dan akan datang. Akademi kini sedang menuju ke dekad baru dan sekarang tibalah masanya untuk kita meningkatkan fokus kepada kepimpinan strategik dalam STI di negara ini. Kita harus bayangkan sejauh mana keupayaan Akademi untuk menyahut cabaran Kerajaan bagi mewujudkan sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang untuk diaplikasikan ke dalam pembangunan STI pada dekad akan datang. Selain dari itu, di sebalik perubahan nama dan penyusunan semula tugas Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Akademi harus menjajarkan keutamaan supaya kita akan menjadi lebih sistematik dan terarah dalam usaha mengorak langkah lebih jauh bagi memastikan tidak berlaku tindanan tugas dengan badan lain.

The Science, Engineering and Technology scene in the country is rapidly changing and these changes would surely have implications on the current and future roles and functions of the Academy. The Academy has now arrived at the threshold of another decade and it is time for the Academy to display a more focused and strategic leadership in STI in the country. We need to envision how the Academy can effectively translate the mandate given to it by the Government in forging excellence, glory and distinction for STI developments in the country in the next decade and beyond. Furthermore, in the light of the name change and the redefining of the roles for the Ministry of Science, Technology and Innovation, the Academy also needs to consider aligning its priorities so that we can be more structured and directed in the way we move forward so as not to duplicate the tasks of other parties.

Memandangkan Akademi Sains Malaysia merupakan badan yang penting dalam Sistem Inovasi National, kita mestilah mara sejajar dengan perubahan keperluan dalam usaha memainkan peranan sebagai penggerak kecemerlangan sains. Akademi mestilah futuristik dan relevan untuk memberi khidmat nasihat; dalam membangunkan pemikiran strategik; mewujudkan perikatan strategik dengan dunia perniagaan dan industri; memelihara rangkaian dan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa; serta meneruskan kesinambungan sains, teknologi dan inovasi jauh ke hadapan.

Since the Academy of Sciences Malaysia is an integral part of the National Innovation System, we have to move in tandem with the required changes in order to play the roles of milestone movers and charters of scientific excellence. The Academy needs to be creatively futuristic and extremely relevant in giving advice; in developing strategic thinking among important players; in forging strategic alliances with business corporations and industries; in fostering networking and collaborations nationally and internationally; as well as pursuing continuous science, technology and innovation foresight.

Harapan pihak Kerajaan terhadap Akademi sebagai sebahagian dari *National Advisory System* dalam STI terlalu tinggi di mana ia merupakan salah satu

The Government's expectation of the Academy which is seen as part of the National Advisory System in STI is indeed very high and this is an

perkara yang harus diberi tumpuan lebih tinggi oleh Akademi. Saya amat yakin bahawa peranan ini patut diperkukuhkan dan difokuskan kerana ia memberi kesan kepada sumbangan Akademi, memandangkan kita mempunyai banyak kepakaran dan pengalaman yang dapat ditimba dari Felo. Bercakap mengenai tugas memberi khidmat nasihat, lazimnya terdapat pendekatan serampang dua mata yang boleh digunakan.

area in which the Academy has to strive harder as our advisory role has not been as forthcoming or visible. I strongly believe that this advisory role of the Academy should be further enhanced and focused upon as this would in many ways raise the stature and impact of the Academy's contribution, especially since we have a wide array of expertise and experience to draw on from among our Fellows. With regard to the advisory role, there is generally a two-pronged approach.

Pertama, Akademi akan menjana Laporan Nasihat dalam isu-isu tertentu dan apabila di minta oleh Kerajaan atau MOSTI atau Kementerian lain yang relevan dengan bidang teras ASM. Pendekatan kedua adalah untuk menjana Laporan Nasihat dengan proaktif berkaitan isu-isu penting pada negara yang relevan dengan tugas dan fungsi ASM, terutama dalam bidang yang memerlukan kepakaran Felo. Setakat ini, melalui pendekatan awal, ASM telah banyak memberi sumbangan dalam bidang khidmat nasihat kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, hanya sedikit sumbangan dapat dilihat apabila pendekatan baru diperkenalkan. Contoh terkini pendekatan awal adalah input ASM dalam program *Brain Gain* oleh MOSTI, penilaian IRPA, *ranking* aktiviti R&D di Malaysia dan sebagainya. Ia merupakan satu keperluan bagi Akademi untuk memenuhi tanggungjawab yang dipikul dengan sempurna di mana kepintaran Felo amat bermakna untuk kepentingan STI dalam masyarakat berbanding dengan teras lain. MOSTI juga berharap agar ASM akan lebih kehadapan dalam bidang ini sebagai bukti dalam menyediakan sokongan dan sumber. Saya tidak boleh terlalu menitikberatkan tentang peranan Akademi sebagai penasihat dan sumbangan Felo dalam Akademi kerana dalam banyak perkara, ASM perlu menunjukkan kehebatan, sejajar dengan harapan Kerajaan.

First, is to generate Advisory reports on certain issues as and when requested by the Government or MOSTI in particular, while not excluding other Ministries that are relevant to the thrust areas of ASM. The second approach is to generate Advisory Reports in a proactive manner on issues of national importance that are relevant to ASM's roles and functions, especially in areas where we have the required expertise among the Fellows. So far, ASM has been focusing on the former approach and very little has been undertaken as underlined by the latter approach. Some of the more recent examples of the former approach are ASM's input in the Brain Gain programme of MOSTI, the IRPA Evaluation and the ranking of R&D activities in Malaysia and so on. There is a great need for the Academy to fulfill this role effectively as it is the advisory role of the Academy that in many ways defines its stature and utilises the brainpower of the Fellows for the benefit of the STI in the nation as compared to other thrust areas. MOSTI is also seriously looking at ASM to be more forthcoming in this area as a justification to provide more support and resources. I cannot over-emphasise the advisory role of the Academy and the contribution of Fellows as it has to become ASM's forte, in line with the Government's expectations.

Saya sangat gembira dengan prospek Akademi yang akan menjadi salah satu agenda baru dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan sains, teknologi dan inovasi untuk menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang. Dalam konteks ini, saya ingin

I am excited at the prospects for the Academy to be a part of the new leap of activities to take science, technology and innovation to the heights of excellence, glory and distinction. In this context, I wish to note that the Academy has established

menekankan bahawa Akademi telah menjalinkan kerjasama erat dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan kerjasama ini mesti diperkukuhkan dan diteruskan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, Akademi boleh menjadi pelengkap kepada tugas Kementerian berkaitan peningkatan dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi di negara ini. Sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, buat kali pertama pada tahun ini, Akademi telah menerima peruntukan dari Kementerian untuk membantu pengoperasian perbelanjaan tahunan Akademi. Akademi juga telah menyerahkan beberapa kertas cadangan di bawah peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-Sembilan.

an even closer rapport with the Ministry of Science, Technology and Innovation and this must continue to be strengthened so that the Academy can complement the role of the Ministry towards enhancing science, technology and innovation in the country. As a statutory body under the Ministry of Science, Technology and Innovation, the Academy, for the first time this year, received funding from the Ministry to assist the Academy in meeting part of its annual operating expenditure. The Academy also submitted several proposals under the development budget for the Ninth Malaysia Plan.

Memandangkan terdapat projek tambahan dan sumber kewangan baru yang akan datang, kita menjangkakan bahawa ASM akan mempunyai struktur baru yang lebih mantap. Sekarang ini, adalah sangat penting bagi ASM untuk memulakan perjalanan baru dengan paradigma baru untuk memainkan peranan yang lebih dinamik kepada pembangunan STI dalam negara ini. Kita perlu ingat bahawa Akademi mempunyai banyak peluang untuk memberi sumbangan kepada pembangunan sains dan teknologi dalam negara dengan berkesan dan ia bergantung kepada keupayaan Akademi untuk mengekalkan tahap tertinggi dalam apa jua lapangan, dan yang paling penting adalah kita dapat melihat dedikasi serta keberkesanan sumbangan Felo . Bagaimana kita berfungsi dan menyumbang ke arah pembangunan sains dan teknologi untuk negara dan dunia mesti menjadi testimoni kepada tugas kepimpinan kita bagi pihak sains dan masyarakat.

In view of the additional projects and resources that may come our way, we can expect ASM to have a new, expanded structure. It is now all the more imperative that ASM chart a new journey with a new paradigm to play a more dynamic role towards STI development in the country. We must continuously remind ourselves that the many opportunities for the Academy to contribute effectively to the development of science and technology in the country are dependent on the ability of the Academy to maintain the highest standards in everything that is carried out and more importantly the dedication as well as effective contribution of Fellows must be visible. The way we function and contribute to science and technology both in the country and globally must be a testimony to our leadership role on behalf of science and society.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, terutama YB Dato' Sri Jamaludin Jarjis, Menteri di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana memberi sokongan yang berterusan dan kepada Felo Akademi, terhadap sokongan yang tidak berbelah bagi dan kerjasama yang erat dari segi masa, pengetahuan dan pengalaman. Juga, ucapan terima kasih yang tulus ikhlas dan penghargaan kepada


I would like to take this opportunity to express my deep gratitude to the Government of Malaysia, particularly the Honorable Minister Dato' Sri Jamaludin Jarjis the Ministry of Science, Technology and Innovation, for the continuous support and to the Fellows of the Academy for their enduring support and generous contribution in terms of time, knowledge and experience. Also a very sincere thank you and

semua kakitangan Akademi di atas ketekunan, komitmen dan dedikasi, serta kepada semua rakan-rakan di Akademi.

Sepanjang perjalanan lalu, Akademi Sains Malaysia telah membuat satu impak besar dan akan terus mengorak langkah pada tahun-tahun akan datang. Bermula di sini, saya melihat masa depan yang cerah buat Akademi. Laporan ini menggambarkan kejayaan yang telah kita capai. Kita juga mempunyai asas yang kukuh untuk mencapai dan mencipta banyak lagi kejayaan!.

appreciation to all staff of the Academy for their diligence, commitment and dedication and to all the friends of the Academy.

In an ever-widening range of ways, the Academy of Sciences Malaysia has made its impact - or surely will - as the years go on. From right here today, I see a great future for the Academy. This report illustrates what we have been able to accomplish, as well as the foundation upon which we are able to strive to do yet more.



Tan Sri Datuk Ahmad Zaharudin Idrus FASc
President, Academy of Sciences Malaysia

Fungsi ASM *Functions of ASM*

Menggalakkan dan merangsang pembangunan sains, kejuruteraan dan teknologi

Mengadakan forum pertukaran pendapat di kalangan ahli sains, jurutera dan ahli teknologi

Menggalakkan kesedaran, pemahaman dan penghargaan tentang negara peranan sains, kejuruteraan dan teknologi dalam kemajuan manusia

Menggalakkan daya ciptaan di kalangan ahli sains, jurutera dan ahli teknologi

Menggalakkan sifat berdikari negara dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi

Bertindak sebagai forum bagi mengekalkan kesedaran di pihak Kerajaan akan pentingnya peranan sains, kejuruteraan dan teknologi dalam proses pembangunan negara dan membawa kepada perhatian ahli sains, jurutera dan ahli teknologi akan keperluan pembangunan negara

Menganalisa masalah-masalah tertentu negara dan mengenalpasti di mana sains, kejuruteraan dan teknologi dapat memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah dengan membuat syor-syor kepada Kerajaan

Sentiasa mengambil perhatian tentang perkembangan sains, kejuruteraan dan teknologi serta mengenalpasti perkembangan yang relevan dengan keperluan negara dan membawa perkembangan tersebut untuk perhatian Kerajaan

Fungsi ASM *Functions of ASM*

To promote and foster the development of science, engineering and technology

To provide a forum for the inter-change of ideas among scientists, engineers and technologists

To promote national awareness, understanding and appreciation of the role of science, engineering and technology in human progress

To promote creativity among scientists, engineers and technologists

To promote national self-reliance in the field of science, engineering and technology

To act as a forum for maintaining awareness on the part of the Government of the significance of the role of science, engineering and technology in the development process of the nation and for bringing national development needs to the attention of scientists, engineers and technologists

To analyse particular national problems and identify where science, engineering and technology can contribute to their solution and accordingly to make recommendations to the Government

To keep in touch with developments in science, engineering and technology and identify those developments which are relevant to national needs and to bring such developments to the attention of the Government

Fungsi ASM *Functions of ASM*

Menyediakan laporan, kertas kerja atau dokumen lain berhubungan dengan dasar sains, kejuruteraan dan teknologi negara dan membuat syor-syor yang perlu kepada Kerajaan

Mengusahakan dan membiayai kajian pelbagai disiplin yang berkaitan serta keperluan pemahaman yang lebih mendalam tentang implikasi sosial dan ekonomi yang terbit dari sains, kejuruteraan dan teknologi

Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dan pendidikan serta latihan untuk tenaga manusia yang sesuai dalam bidang saintifik, kejuruteraan dan teknologi

Mengadakan dan mengekalkan hubungan antara Akademi dan badan-badan luar negeri yang mempunyai objektif yang hampir serupa dengan objektif Akademi

Memberi nasihat mengenai perkara yang berkaitan bidang sains, kejuruteraan dan teknologi sebagaimana yang diminta oleh Kerajaan dari semasa ke semasa

Melakukan tindakan lain yang konsisten dengan Akta Akademi Sains 1994 sebagaimana yang diperlukan untuk meningkatkan kemajuan sains, kejuruteraan dan teknologi di Malaysia dan kebajikan serta taraf Akademi

Fungsi ASM *Functions of ASM*

To prepare reports, papers or other documents relating to the national science, engineering and technology policy and make the necessary recommendations to the Government

To initiate and sponsor multi-disciplinary studies related to and necessary for the better understanding of the social and economic implications of science, engineering and technology

To encourage research and development and education and training of human resource in the appropriate scientific, engineering and technical fields

To establish and maintain relations between the Academy and overseas bodies having the same or almost similar objectives in science, engineering and technology as the Academy

To advise on matters related to science, engineering and technology as may be requested by the Government from time to time

To do such other acts which are consistent with 1994 Academy of Sciences Act as may be required in order to further the advancement of science, engineering and technology in Malaysia and the welfare and status of the Academy

Felo Kehormat *Honorary Fellow*



YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI,
PERDANA MENTERI MALAYSIA
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI,
PRIME MINISTER OF MALAYSIA

Akademi Sains Malaysia dengan bangganya menganugerahkan Felo Kehormat Akademi Sains Malaysia kepada YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, bagi kepimpinan dan komitmen terhadap pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi di Malaysia ke arah menghasilkan ilmu pengetahuan baru dan menjana kekayaan untuk manfaat kepada masyarakat.

Cabaran ke-enam Wawasan 2020 telah menekankan objektif untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang saintifik dan progresif. Sains dan Teknologi telah dikenalpasti sebagai pemangkin untuk membawa pertumbuhan sosial-ekonomi Negara ke arah status Negara maju menjelang Tahun 2020. Teknologi baru diperlukan untuk meningkatkan produktiviti

The Academy of Sciences Malaysia is proud to confer the Honorary Fellowship of the Academy of Sciences Malaysia upon YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, the Prime Minister of Malaysia, for his distinguished leadership and commitment to the development of Malaysia's science, technology and innovation towards the generation of new knowledge and wealth creation for the benefit of society.

The sixth challenge of Vision 2020 has emphasised the objective to create a scientific and a progressive Malaysian society. Science and technology have been identified as the catalyst to drive the country's socio-economic growth towards a developed nation status by year 2020. Therefore the demand for science and technology is irrefutable as we need new

dan memaksimumkan kebekersanan industri di Malaysia, di mana akhirnya kita mampu untuk menjadi sebuah Negara yang lebih berdaya saing Dalam konteks ini, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mencabar komuniti sains, teknologi dan inovasi Malaysia untuk berusaha meraih hasil dengan merangkumi rukun-rukun k-ekonomi.

technology to increase our productivity and maximise the efficiency of our industry and agriculture sectors. In this context, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi has consistently challenged Malaysian science, technology and innovation community to strive to be result-driven by embracing and internalising the tenets of a knowledge economy.

Semenjak menjadi Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengimplimentasikan langkah untuk menggabung dan mengemudi agenda Sains dan Teknologi melalui pucuk pimpinan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Beliau telah menggariskan isu asas dalam industri Sains dan Teknologi dan menggalakkan semua pihak berkepentingan untuk mara ke hadapan dengan cara yang lebih fokus, kohesif dan berkesan.

Since becoming the Prime Minister, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi has implemented measures to consolidate and steer Malaysia's science and technology agenda towards a path of excellence, glory and distinction. He addressed fundamental issues in the S&T industry and encouraged all stakeholders to move forward in a more focused, cohesive and effective manner.

ICSU representative of National Members for Asia Pacific region discused on the establishment of ICSU Regional Office. The meeting unanimously agreed that Malaysia and the Academy of Sciences Malaysia be the host of the ICSU Regional Office in Asia and the Pacific. It was later approved by the Government of Malaysia in December, 2005. The office will be located at the Academy of Sciences building that has been recently renovated.

PENGUBAHSUAIAN PEJABAT ASM

Kerja-kerja pengubahsuaian bangunan pejabat ASM di 902-4, Jalan Tun Ismail telah dimulakan pada pertengahan tahun 2005 dan telah siap pada bulan Mac 2006.

ASM OFFICE RENOVATION

Renovations to the ASM building at 902-4, Jalan Tun Ismail began on mid 2005 and was completed and ready for occupation on March 2006.



Bangunan baru yang diubahsuai ini menempatkan pejabat Akademi, pusat maklumat, bilik perbincangan, bilik-bilik mesyuarat dan Pejabat ICSU bagi Rantau Asia Pasifik.

The renovated Academy building houses the Academy office, an information centre, conference room, meeting room and ICSU Regional Office for Asia Pacific.

SAMBUTAN ULANGTAHUN KESEPULUH ASM

Akademi Sains Malaysia telah ditubuhkan di bawah Akta Akademi Sains 1994 di mana ia mula berkuasa pada 1 Februari 1995. Tahun 2005 merupakan tahun yang istimewa kerana ia merupakan ulangtahun kesepuluh ASM.

Sepanjang sepuluh tahun, Akademi telah melakarkan kejayaan dan pencapaian yang membanggakan, seperti *Malaysian Antarctica Research Programme (MARP)* dan *National Nobel Laureate Programme*. Khidmat nasihat yang diberikan oleh Akademi kepada kerajaan berkenaan sains, kejuruteraan dan teknologi (SET) telah disambut baik dan Akademi berbangga dalam memberikan pandangan kepada Kementerian berkenaan sains dan teknologi dan telah diterima dan diimplimentasikan. Untuk mengangkat budaya kecemerlangan saintifik, Anugerah Kecemerlangan Saintifik ASM Penghormatan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dilancarkan tahun ini.Selain itu, Program Kesedaran Sains ASM merupakan salah satu daripada teras Akademi. Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk mempromosikan kesedaran sains kepada masyarakat tentang peri pentingnya SET dalam kehidupan seharian dan menjadikan sains satu budaya.

ASM CELEBRATES 10TH ANNIVERSARY

The Academy of Sciences Malaysia was established under the Academy of Sciences Act 1994 which came into force on 1 February 1995. The year 2005 was a special year because it marked the 10th Anniversary of ASM.

Over the 10 years, the Academy has had some major successes and achievements. In particular, the Malaysian Antarctica Research Programme and the National Nobel Laureate Programme are a source of great pride and joy. The independent advice given by the Academy to the government on matters pertaining to science, engineering and technology (SET) has been received favourably and the Academy takes pride in recording that its suggestion for a separate Ministry for science, technology has been accepted and implemented. To foster a culture of Scientific excellence, this year saw the launch of the ASM Scientific Excellence Award in Honour of Tun Dr Mahathir Mohamad. The ASM Science Awareness Programme is another one of our thrust areas where the Academy has left an indelible mark. A range of activities has been undertaken to promote public awareness of the importance of SET in everyday life and to make SET a pervasive culture.



Projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8)

Projects under Eighth Malaysia Plan (8MP)

Rancangan Malaysia Kelapan merangkumi tempoh masa dari tahun 2001 hingga 2005. Ia merupakan fasa pertama perlaksanaan *Third Outline Perspective Plan* yang menghasilkan *National Vision Policy* (NVP) yang berpandukan cabaran strategik Wawasan 2020, di mana ia menggariskan halatuju Malaysia untuk menjadi Negara maju menjelang 2020. Akademi memberi sumbangan dalam merealisasikan hasrat ini melalui Program *Nobel Laureate* Kebangsaan dan Program Penyelidikan Antartika Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

The Eighth Malaysia Plan, covering the period of 2001-2005, was the first phase in the implementation of the Third Outline Perspective Plan which embodies the National Vision Policy (NVP). The NVP is guided by the strategic challenges of Vision 2020, which laid out the directions for Malaysia to become a fully developed nation by 2020. The Academy of Sciences Malaysia contributed towards realising this vision as the implementing agency for the National Nobel Laureate Programme and the National Antarctica Research Programme.

PROGRAM *NOBEL LAUREATE* KEBANGSAAN

Objektif Program *Nobel Laureate* Kebangsaan adalah untuk meningkatkan tahap kecemerlangan penyelidikan sains ke tahap antarabangsa termasuk menghasilkan Pemenang Anugerah Nobel Malaysia menjelang tahun 2020, dan mewujudkan budaya penyelidikan saintifik dengan mengadakan program kepimpinan yang diketuai oleh saintis terkemuka. Bagi merapatkan jurang dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan meningkatkan kesedaran mengenai Hadiah Nobel, banyak aktiviti telah diadakan di Malaysia oleh Pemenang Anugerah Nobel dan saintis terkemuka. Syarahan Perdana Sains, Syarahan Umum, Sesi Motivasi Sains dan Dialog bersama penyelidik adalah di antara aktiviti yang dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, Malaysia berusaha gigih untuk memberi dorongan terhadap kreativiti individu dalam bidang sains untuk berjaya serta menyokong keperluan persekitaran yang akan menjadi pendorong untuk mencapai cita-cita, di mana ia merupakan ciri unik negara moden. Malaysia juga harus menggalakkan para saintis negara untuk mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan antarabangsa, yang mana Anugerah Nobel adalah merupakan anugerah yang terunggul. Komuniti saintifik di Malaysia mendapat banyak manfaat daripada pengalaman dan kearifan Prof Brenner yang dikongsi bersama semasa syarahan tesebut.

Mesyuarat Tahunan antara Pemenang Anugerah Nobel Laureates bersama Saintis Muda di Lindau, Jerman

Satu lagi aktiviti yang berjaya di bawah Program Kebangsaan *Nobel Laureate* adalah Program Lindau. Program Lindau merupakan satu program yang membolehkan penyertaan

NATIONAL NOBEL LAUREATE PROGRAMME

The objective of the National Nobel Laureate Programme is to raise the standard of scientific research excellence to international standards including producing a Malaysian Nobel Laureate by the year 2020, and to create a scientific research culture by having leadership programmes headed by eminent scientists. To bridge the gap towards achieving excellence in science and enhancing awareness of the Nobel Prize, significant activities were conducted by Nobel Laureates and other eminent scientists in Malaysia. Scientific Lectures, Public Lectures, Science Motivation Sessions and Dialogues with researchers were among the activities held.

On a nationwide scale, Malaysia is seriously striving to provide the impetus for individual creativity in the fields of science to shine as well as support the existence of the needed environment for achieving an ambition unique among modern nations. Malaysia also needs to push its scientists to vie for international scientific excellence and recognition, of which the Nobel Prize is the Prize of Prizes. Members of the Malaysian scientific community had benefited much from Prof. Brenner's experience and wisdom shared through these lectures.

Annual Meeting of Nobel Prize Winners with Young Scientists at Lindau, Germany

Another successful activity under the National Nobel Laureate Programme is the Lindau Programme. The Lindau Programme is a programme that enables the participation of

saintis muda Malaysia di Mesyuarat Tahunan Pemenang Anugerah Nobel bersama Saintis Muda di Lindau, Jerman. Delegasi Malaysia yang mengambil bahagian dalam mesyuarat Lindau 2005 merupakan kumpulan kedua saintis muda Malaysia yang dihantar. Penglibatan Malaysia ini bermula dengan inisiatif Akademi pada tahun 2004. Mesyuarat Lindau 2005 merupakan mesyuarat tiga disiplin sains asas yang diadakan dari 26 Jun hingga 1 Julai 2005. Delegasi Malaysia terdiri daripada enam saintis muda dan diketuai oleh Profesor Ho Chee Cheong FASc. Tiga daripada enam saintis muda merupakan pemegang PhD.

young Malaysian scientists in the Annual Meeting of Nobel Prize Winners with Young Scientists at Lindau, Germany. The Malaysian delegation that participated in the 2005 Lindau Meeting was the second batch of young Malaysian scientists sent for this meeting. Malaysia's participation was initiated by the Academy in 2004. The 2005 Lindau Meeting was a tri-discipline natural sciences meeting held from 26th June – 1st July 2005. This year the Malaysian delegation comprised 6 young scientists led by Prof Ho Chee Cheong FASc. Of the 6 young scientists, 3 were PhD holders.

Tahun ini juga, Akademi dan Jawatankuasa Lindau menandatangani Memorandum Persefahaman untuk mengekalkan penglibatan Malaysia dalam Mesyuarat Tahunan Pemenang Anugerah Nobel bersama Saintis Muda. Datuk Dr. Salleh Mohd. Nor FASc, Naib Presiden Akademi dan Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman FASc, Setiausaha Agung Akademi, telah

This year the Academy and the Lindau Committee signed a Memorandum of Understanding towards sustaining Malaysia's participation in the Annual Lindau Meeting of Nobel Prize Winners with Young Scientists. Datuk Dr Salleh Mohd Nor FASc, Vice President of the Academy and Prof Datuk Dr Mazlan Othman FASc, Secretary General, signed the MoU on behalf of ASM while



Delegasi Malaysia ke Mesyuarat Tahunan antara Pemenang Anugerah Nobel Laureate bersama saintis muda bersama Nobel Laureate Prof. Dr. Richard Ernst.
Malaysian Delegation to the Annual Meeting of Nobel Prize Winner with Young Scientists with Nobel Laureate Prof. Dr Richard Ernst.

menandatangani Memorandum Persefahaman bagi mewakili Akademi manakala Countess Sonja Bernadotte selaku Presiden Jawatankuasa Lindau dan Prof. Wolfgang Schuerer sebagai Pengerusi Jawatankuasa Lindau mewakili Jawatankuasa Lindau.

Countess Sonja Bernadotte as President of the Lindau Committee and Prof. Wolfgang Schuerer as Chairman of the Lindau Committee represented the Lindau Committee.

Dengan adanya Memorandum Persefahaman ini, saintis muda Malaysia dapat menyertai mesyuarat tahunan tersebut dan delegasi Malaysia akan dianggotai oleh tiga penyelidik muda dalam bidang sains asas – fizik, kimia dan perubatan/fisiologi – dan seorang wakil dari Akademi. Apabila mesyuarat antara disiplin diadakan, delegasi Malaysia akan dianggotai oleh lima pelajar PhD dan penyelidik muda dan seorang wakil dari Akademi Sains Malaysia. Memorandum Persefaman ini juga menyatakan bahawa Akademi Sains Malaysia akan menyelaraskan proses penilaian dan semua pemilihan akademik untuk delegasi Malaysia sejajar dengan kriteria pemilihan dan taraf akademik yang digubal oleh Panel Kajian Semula Jawatankuasa Lindau yang akan memberi keputusan akhir tentang calon yang dipilih.

With the MoU in force, young Malaysian scientists may participate in the annual meeting and the Malaysian Delegation will comprise up to 3 young researchers in the area of natural sciences – physics, chemistry and medicine/physiology – and one Academy representative. Moreover, when an interdisciplinary meeting is being held, the Malaysian delegation will comprise up to 5 Ph.D. students and young researchers and one representative of the Academy of Sciences Malaysia. The MoU also states that the Academy of Sciences Malaysia shall co-ordinate the evaluation process and all academic screening for the Malaysian delegation in accordance with the selection criteria and academic standards established by the Lindau Committee's Review Panel that will grant final acceptance of the selected candidates.

Kerjasama dua hala dengan Karolinska Institut 2005

Satu lagi aktiviti yang sedang dijalankan di bawah Program *Nobel Laureate* adalah Kerjasama Dua Hala dengan Karolinska Institut (KI), Sweden, iaitu Pusat Kecemerlangan dan Pusat Penganugerahan Nobel bagi Perubatan atau Fisiologi, bagi berkerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan perubatan, latihan profesional dan program belajar ke peringkat PhD. Selaras dengan program ini, Dr. Kristina Teär Fahnehjelm, oftalmologi pediatrik di St. Erik's Eye Hospital, Karolinska Institut di Stockholm, telah melawat Malaysia dan memberi syarahan mengenai "*Posterior Ocular Malformations in Children: Teratological Aspects*" di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Beliau

Bilateral Collaboration with Karolinska Institute 2005

Another on-going activity under the Nobel Laureate Programme is the Bilateral Collaboration with Karolinska Institute (KI), Sweden, a prestigious Centre of Excellence and Nobel Awarding Centre in Physiology or Medicine, to collaborate on medical research and development, professional training and study Programmes leading to PhD degrees. In conjunction with this programme, Dr Kristina Teär Fahnehjelm, a pediatric ophthalmologist at St Erik´s Eye Hospital, Karolinska Institute in Stockholm, visited Malaysia and delivered a lecture on 'Posterior Ocular Malformations in Children: Teratological Aspects' at the University Malaya Medical Centre. She expressed interest to

menyatakan keinginan untuk berjumpa dengan rakan sejawat dalam bidang yang sama di Malaysia, dengan hasrat untuk menjalin kerjasama di antara Karolinska dan beberapa institusi di Malaysia pada masa hadapan.

meet a Malaysian colleague in the same field, possibly with a view to future collaboration between Karolinska and Malaysian institutions.

Lanjutan dari itu, Prof. Sven Pettersson, Penyelaras KI, telah mengadakan perbincangan pada 30 Jun 2005 dengan Jawatankuasa Akademi Sains Malaysia yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. M. Jegathesan FASc mengenai kerjasama dengan KI dalam bidang penyelidikan perubatan, inovasi dan komersial. Ini diikuti dengan perbincangan untuk melaksanakan kerjasama dua hala diantara institusi di Malaysia dan KI. Bidang yang dicadangkan untuk usahasama dan dibincangkan semasa sesi dialog yang akan diadakan adalah onkologi/epidemiologi, biologi penyakit, imunologi, kencing manis, artritis reumatoid dan penyelidikan sel stem. Dialog yang dicadangkan itu antara lain adalah untuk membantu pertukaran idea antara pakar Malaysia dan KI ke arah mengenalpasti bidang kerjasama dan untuk lebih memahami bidang penyelidikan masing-masing serta bagaimana untuk memanfaatkan program PhD atau latihan pasca kedoktoran serta merangka dokumen yang menggariskan terma bagi melaksanakan kerjasama teknikal termasuk pembiayaan.

Following this, Prof Sven Pettersson, KI Coordinator, had a discussion with members of the ASM committee chaired by Datuk Dr M. Jegathesan on 30 June 2005 on more collaborative efforts with KI in the area of medical research, innovations and commercialisation. This was followed by a discussion on moving forward with Bilateral Collaboration between Malaysian institutions and KI. The areas proposed for collaboration and to be addressed at the proposed joint dialogue are oncology/ epidemiology, infection biology, immunology, diabetes, rheumatoid arthritis and stem cell research. The proposed dialogue, among others, is hoped to facilitate exchange of ideas between Malaysian and KI experts towards identifying areas for possible collaboration and gaining a better understanding of each other's research work and to discuss how to take advantage of programmes such as PhD programme or post-doctoral training and formulate a document that would state the terms to spearhead such technical cooperation, including the funding.

Syarahan Umum Ulangtahun Kesepuluh ASM & Ceramah Motivasi Sains oleh Pemenang Anugerah Nobel Laureate Profesor Dr Sydney Brenner

ASM 10th Anniversary Oration & Science Motivation Talk by Nobel Laureate Professor Dr Sydney Brenner

Syarahan saintifik, syarahan umum, sesi motivasi sains dan forum khas oleh *Nobel Laureate* dianjurkan setiap tahun oleh Akademi Sains Malaysia sebagai sebahagian daripada Program *Nobel Laureate* Kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Tujuan Program *Nobel Laureate* Kebangsaan ini adalah untuk membina kecemerlangan dalam bidang

Scientific orations, public lectures, science motivation sessions and special forum by Nobel Laureates are organised annually in Malaysia by the Academy of Sciences Malaysia (ASM) as part of the National Nobel Laureate Programme under the Ministry of Science, Technology and Innovation. The aim of the National Nobel Laureate Programme is to build excellence in

sains, teknologi dan inovasi di Malaysia untuk dayasaing negara dan pengiktirafan antarabangsa.

science, technology and innovation in Malaysia for national competitiveness and international recognition.

Syarahan tahunan pada tahun ini oleh *Nobel Laureate* Profesor Dr. Sydney Brenner (Pemenang Anugerah Nobel dalam Fisiologi atau Perubatan 2002) pada 25 Ogos 2005. Syarahan ini juga merupakan Syarahan Perdana Ulangtahun Ke-10 Akademi Sains Malaysia dianjurkan oleh Akademi melalui kerjasama *British Council*. Profesor Dr. Sydney Brenner merupakan Nobel Laureate ke-15 mengendalikan program bersama Akademi semenjak tahun 2001.

The annual oration this year by Nobel Laureate Professor Dr. Sydney Brenner (Nobel Prize in Physiology or Medicine 2002) on 25 August 2005. The lectures was considered as the ASM 10th Anniversary Oration were organised by the Academy through collaboration with the British Council. Professor Dr. Sydney Brenner is the 15th Nobel Laureate to conduct programmes with the Academy in Malaysia since 2001.

Profesor Brenner telah membincangakan mengenai *'Humanity's Genes'* semasa syarahan yang diadakan di Institut Penyelidikan Perubatan dan mengenai *'How to Win A Nobel Prize'* semasa sesi motivasi sains di Universiti Kebangsaan Malaysia. Perkara yang dibangkitkan semasa syarahan ternyata mencabar minda pada masa yang sama amat praktikal. Syarahan Saintifik di IMR dihadiri oleh 350 peserta yang terdiri daripada penyelidik, pengamal perubatan, warga pendidik, pelajar dan orang awam. Sesi Motivasi Sains di UKM pula dihadiri lebih daripada 200 peserta yang terdiri daripada pelajar sarjana dan sarjana muda serta juga penyelidik dan warga akademik.

Professor Brenner spoke on 'Humanity's Genes' at the Oration that was held at the Institute for Medical Research (IMR) and on 'How to Win A Nobel Prize' at the Science Motivation Session that was held at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The points Prof Brenner raised during the lecture proved to be very thought provoking and practical. The Scientific Oration at IMR was attended by about 350 people comprising mainly of researchers, medical practitioners, academics, students and the general public. The Science Motivation Session at UKM was attended by over 200 people comprising mainly of postgraduates and undergraduates as well as researchers and academics.

PROGRAM PENYELIDIKAN ANTARTIKA MALAYSIA (MARP)

Pada tahun 2005, Program Penyelidikan Antartika Malaysia (MARP) telah mencapai beberapa kejayaan di dalam bidang pembangunan kapasiti manusia. Buat masa ini terdapat tujuh pelajar PhD yang menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti Biologi Antartika, atmosfera atas, interaksi suria dan bumi, cuaca dan iklim Antartika. Terdapat juga 21 pelajar MSc di bawah program MARP yang menjalankan penyelidikan dalam bidang biologi dan sains fizikal. MARP juga telah menerbitkan 47 kertas dalam jurnal dan prosiding terujuk. Secara keseluruhan terdapat 15 projek penyelidikan yang sedang dijalankan oleh MARP yang melibatkan 40 penyelidik dari tujuh universiti. Antara hasil utama projek termasuk kultur mikro alga, penghasilan teknologi esei enzim dan rekabentuk '*gene probe*' serta penemuan spesies bakteria baru di Antartika. Impak utama program adalah ia memberi sumbangan yang signifikan terhadap inisiatif nasional mengenai bioteknologi melalui *'bio prospecting'* di Antartika dalam bentuk ekstremofil.

Pada 10 Oktober 2005, Prof. Dr. Colin Summerhayes, Pengarah Eksekutif *Scientific Committee in Antarctic Research* (SCAR) telah melawat Pusat Penyelidikan Antartika Malaysia di Universiti Malaya. Lawatan adalah sejajar dengan penerimaan MARP sebagai ahli persatuan SCAR pada Oktober tahun 2004. Semasa lawatan, Prof. Summerhayes memberi taklimat kepada penyelidik Malaysia tentang perkembangan SCAR dan aktiviti yang sedang dijalankan, tawaran sokongan penyelidikan oleh SCAR serta pengurusan logistik di Antartika dan juga tanggungjawab MARP sebagai ahli SCAR.

Seminar mengenai Penyelidikan di Antartika dan Bengkel Pigmen telah dijalankan di

MALAYSIAN ANTARCTICA RESEARCH PROGRAMME (MARP)

For the year 2005, Malaysian Antarctica Research Programme (MARP) had achieved a number of milestones in the area of human resource capacity building. Currently, there are seven PhD candidates working on various fields dealing with Antarctic Biology, upper atmosphere, solar terrestrial interactions, weather and climate of Antarctica. There are also 21 MSc candidates under the MARP research programme working in the fields of biology and physical sciences. MARP members have also published 47 papers in refereed journals and proceedings. On the whole, there are currently 15 research projects being undertaken under MARP involving 40 researchers from 7 universities. Among the major outcomes of the projects include micro alga culture, development of technology of enzyme assay and gene probe design and also discovery of new species of bacteria in Antarctica. The major impact of MARP is that it contributes significantly to the national initiative on biotechnology through bio prospecting from Antarctica in the form of extremophiles.

On 10 October 2005, Prof Dr Colin Summerhayes, Executive Director of Scientific Committee in Antarctic Research (SCAR) visited the Malaysian Antarctic Research Centre at the University of Malaya. The visit was in conjunction with the acceptance of MARP as an associate member of SCAR in October 2004. During the visit, Prof Summerhayes briefed Malaysian researchers on the development of SCAR and its ongoing activities, SCAR's offer of research support and logistics arrangement in Antarctica and also on MARP's obligations in becoming members of SCAR.

A Seminar on Antarctic Research and a Pigment Workshop were successfully organised at the



Para penyelidik Malaysia di Stesen Penyelidikan Maitri di Antartika.
Malaysian Researchers at Maitri Research Station an Antarctica.

Universiti Malaya dari 27 Jun – 2 Julai 2005. Seminar dan Bengkel dianjurkan bersama oleh Akademi Sains Malaysia, Universiti Malaya dan MARP. Melalui aktiviti ini, MARP telah menjalin beberapa usahasama dengan *Britain Antarctic Survey* (BAS), *Korea Polar Research Institute* (KOPRI) dan *Australian Antarctic Division Laboratory* untuk melaksanakan program latihan bersama.

Penyelaras nasional bagi MARP, Prof. Azizan Abu Samah, mewakili program di Mesyuarat Pertama "*Open Consultative Forum for International Polar Year* (IPY) 2007-2008" di *Paris Intergovernmental Oceonographic Commission* (IOC) di Paris dari 10-11 Mac 2005. Lima projek penyelidikan MARP telah disenaraikan ke dalam '*expression of intent*' IPY 2007-2008. Forum ini memberi satu landasan perundingan bagi ramai pihak berkepentingan, memberi pandangan mengenai *Polar Year* dan sebagai landasan untuk bertukar maklumat dengan Jawatankuasa Bersama IPY. Objektif IPY adalah untuk

University of Malaya from 27 June – 2 July 2005. The Seminar and Workshop were jointly organised by the Academy of Sciences Malaysia, University of Malaya and MARP. Through these events, MARP had developed a few collaborative initiatives with Britain Antarctic Survey (BAS)of UK, Korea Polar Research Institute (KOPRI)and Australian Antarctic Division Laboratory for an attachment programme.

The National Coordinator of MARP, Prof Azizan Abu Samah, represented the programme at the First Meeting of the Open Consultative Forum for International Polar Year (IPY) 2007 – 2008 which was held at the Paris Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC) in Paris from March 10-11, 2005. Five research projects from MARP were listed in the expression of intent of IPY 2007-2008. The forum provides a consultative platform for Polar Year development, facilitating dialogue among the numerous stakeholders, the expression of views on IPY 2007-2008 and a venue for exchange of information with the IPY Joint

mengeksploitasi sumber intelek dan aset sains negara-negara seluruh dunia untuk perkembangan pengetahuan dan pemahaman saintifik mengenai kutub. Pada tahun 2005, Malaysia juga diterima sebagai ahli '*Joint Committee on Antarctic Data Management (JCADM)*'. MARP juga bekerjasama dengan Pusat Sains Negara dan Universiti Malaya bagi menganjurkan program dan pameran untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kewujudan Antartika dan sains di benua tersebut.

Committee. The objective of IPY is to exploit the intellectual resources and science assets of nations worldwide to make major advances in polar knowledge and scientific understanding. In 2005, Malaysia was also accepted as a member of the Joint Committee on Antarctic Data Management (JCADM). MARP also collaborated with the National Science Centre and the University of Malaya in organising a programme and exhibition to enhance students' awareness of the existence of Antarctica and the science within the continent.



Dr Allison Ian, Bahagian Antartik Australia menyampai ucapan tentang IPY di UM.
Dr Allison Ian of Australian Antarctic Division delivering his presentation on IPY at UM.



Nasihat kepada Kerajaan

Advice to Government

Disebabkan Akademi Sains Malaysia sebagai sebuah institusi merangkumi pelbagai disiplin dan diterajui oleh felo-felo yang tersohor, Akademi diminta untuk memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan berkaitan isu-isu strategik Negara. Dalam hal ini, Akademi tidak hanya diberikan projek jangkamasa pendek dan panjang, tetapi juga diminta untuk mengendalikan 'due-diligence' ke atas cadangan yang diberi kepada Kerajaan berkaitan pembangunan strategik sains dan teknologi.

Due to its multi-disciplinary nature and the high standing of its Fellows, the Academy is frequently called upon to provide independent advice to the government on issues of national strategic interest. In this regard, not only is the Academy given specific short and long term projects, ASM is also called upon to conduct due diligence on proposals related to S & T development that are submitted to the Government.

DIALOG DENGAN YB MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DENGAN FELO AKADEMI SAINS MALAYSIA

Memahami peranan penting yang dimainkan oleh Akademi dalam usaha mencapai objektif MOSTI, YB Menteri telah mengadakan satu dialog dengan Felo Akademi Sains Malaysia pada 14 Jun 2005 di Kuala Lumpur. Semasa dialog tersebut, YB Menteri di antara lain menekankan kepentingan sains, teknologi dan inovasi untuk pembangunan negara. Akademi sebagai satu organisasi ilmu harus memikirkan bagaimana memainkan peranan bagi memastikan relevansi sains dan teknologi kepada masyarakat dan ekonomi. Adalah penting untuk menambah penge-tahuan melalui penyelidikan namun konsep manfaat kepada masyarakat dan ekonomi mesti diutamakan. YB Menteri juga merasakan bahawa Akademi perlu mengkaji semula bidang fokusnya. Beliau seterusnya mencadangkan untuk mewujudkan satu inventori khas bagi Felo Akademi kerana ia adalah penting untuk menjana minda para Felo. YB Menteri juga menekankan isu tiada keserasian kemahiran

DIALOGUE BETWEEN THE MINISTER OF SCIENCE, TECHNOLOGY & INNOVATION AND FELLOWS OF THE ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA

Realising the important role, the Academy can play in achieving the objectives of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), the Minister conducted a dialogue with the Fellows of the Academy of Sciences Malaysia on 14 June 2005 in Kuala Lumpur. In the dialogue, among other things, YB Minister emphasised the importance of science, technology and innovation for the development of the nation. The Academy as a learned society should deliberate on the role it should play to ensure the relevance of Science and Technology to the people and economy. It is important to upgrade knowledge through research but the concept of societal and economic returns has also to be emphasised. YB Minister also felt that the Academy needs to review its thrust areas. He further suggested creating a special inventory for Fellows of the Academy as it is important to unlock and harness the brainpower of the Fellows. YB Minister further stressed on the mismatch of skills involved in



Felo Akademi Sains Malaysia di sesi dialog dengan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi.
Fellows of the ASM at the dialoque session with the Minister of Science, Technology and Innovation.

dalam usaha membawa hasil penyelidikan ke peringkat komersial. Beliau juga turut menekankan perlunya produk dan hasil bernilai tambah untuk meningkatkan peluang pasaran khususnya dalam sektor pertanian.

MALAYSIAN SCIENCE AND TECHNOLOGY CONVENTION (MASTEC) 2005

MASTEC adalah merupakan satu acara tahunan penting Akademi yang mempunyai objektif utama untuk membincangkan isu-isu dan perkembangan sains dan teknologi terkini di Malaysia. MASTEC tahun ini yang bertema "*Nurturing Effective Research Collaboration to Realise Innovation and Commercialisation for the Benefit Of Society*" adalah dikhususkan kepada usaha menyambungkan penyelidikan dan pembangunan di universiti dan institusi penyelidikan kepada keperluan industri dan masyarakat. Konvensyen ini dianjurkan bersama dengan *Malaysian Technology Development Corporation*.

Pada tahun 2005, MASTEC telah diadakan bersempena dengan *International Science Congress* (ISC) 2005. Acara tersebut merupakan satu mesyuarat saintifik penting yang dianjurkan bersama oleh Akademi Sains Malaysia dan *Malaysian Scientific Association* (MSA) bersempena dengan Ulangtahun ke-10 Akademi dan Jubli Emas MSA. ISC 2005 berlangsung dari 3 – 6 Ogos di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

MASTEC 2005 telah menghasilkan satu model yang akan memastikan kerjasama dan usahasama yang kukuh di antara *stakeholders* seperti para penyelidik, penggubal dasar, *regulators*, pembiaya kewangan dan pasaran. Strategi bagi meningkatkan usahasama dan kerjasama di kalangan pihak yang terlibat ini dikenalpasti. Perkongsian sebegini akan memajukan bidang pendidikan, melaksanakan penyelidikan yang mempunyai tujuan yang

making the last mile of research into commercialisation. He also highlighted the need to have value added products and outputs to enhance their marketability especially in the agriculture sector.

MALAYSIAN SCIENCE AND TECHNOLOGY CONVENTION (MASTEC) 2005

MASTEC is the Academy's annual flagship event with a major objective of deliberating on the latest issues on the development of science and technology in Malaysia. This year's MASTEC theme "Nurturing Effective Research Collaboration to Realise Innovation and Commercialisation for the Benefit of Society" was specially aimed at linking research and development in universities and research institutions to the needs of industry and society. It was organised in partnership with the Malaysian Technology Development Corporation.

In 2005, MASTEC was held in conjunction with the International Science Congress (ISC) 2005. The event was a major scientific meeting jointly organised by the Academy of Sciences Malaysia and the Malaysian Scientific Association (MSA) in conjunction with the Academy's 10th Anniversary and MSA's Golden Jubilee. ISC 2005 ran from 3rd – 6th August 2005 at Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.

MASTEC 2005 has generated a model which would ensure close cooperation and collaboration between stakeholders namely researchers, policymakers, regulators, financiers and the market. Strategies to enhance cooperation and collaboration among all relevant parties were identified. Such partnerships will invigorate education, conduct research of mutual interest and translate the results of research to benefit society effectively

sama dan menjadikan hasil penyelidikan sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat secara berkesan sebagai satu jalan mengekalkan relevansi penyelidikan dan pembangunan saintifik kepada masyarakat. Penceramah dari Sweden dan Australia membentangkan kertas kerja mengenai "*Keys for Effective R&D Management to Encourage Collaboration among Researchers, Industry and the Government towards successful Innovation and Commercialization*. Mereka adalah Professor Jan Carlstedt Duke dari Karolinska Institut, Sweden dan Professor Robert Watts dari Akademi Sains Australia. MTDC juga membentangkan kertas kerja mengenai *"Review of Strategies to Promote Effective Collaboration in R&D in Malaysia to Form and Sustain Effective Linkages between Researchers, Academics and Industry and Recommendations to Realize Successful Innovation and Commercialization*".

as a means of sustaining the relevance of scientific research and development to society. International speakers from Sweden and Australia gave their talk on "Keys for Effective R&D Management to Encourage Collaboration among Researchers, Industry and the Government towards. Successful Innovation and Commercialisation." They were Professor Jan Carlstedt Duke from Karolinska Institute, Sweden and Professor Robert Watts from Australian Academy of Sciences. MTDC also presented a paper on "Review of Strategies to Promote Effective Collaboration in R&D in Malaysia to Form and Sustain Effective Linkages between Researchers, Academics and Industry and Recommendations to Realise Successful Innovation and Commercialisation."

Hasil dari MASTEC 2005 adalah satu laporan nasihat kepada kerajaan bertajuk "*Recommendations to Promote Effective Collaboration in R & D In Malaysia to Form and Sustain Effective Linkages Between Researchers, Academics and Industry to Realize Successful Innovation and Commercialization*".

The final output of MASTEC 2005 was an advisory report to the government entitled "Recommendations to Promote Effective Collaboration in R & D In Malaysia to Form and Sustain Effective Linkages Between Researchers, Academics and Industry to Realise Successful Innovation and Commercialisation."

NASIHAT MITIGASI BENCANA TSUNAMI DAN GEMPABUMI

Berikutan tragedi tsunami yang telah melanda Negara pada 24 Disember 2004, YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengarahkan Akademi mengkaji impak tsunami tersebut dan menjalankan penyelidikan untuk memahami keadaan dan impak tektonik dan seismik di Malaysia. Kajian tersebut adalah bertujuan untuk memberi input kepada dasar dan strategi negara. Antara aktiviti yang terhasil dari inisiatif ini adalah bengkel dan program-program penyelidikan.

ADVICE ON TSUNAMI AND EARTHQUAKE HAZARD MITIGATION

Resulting from the tsunami disaster on 24 December 2004, YB Minister of Sciences, Technology and Innovation requested the Academy to study the impact and conduct research to understand the situation and impact of tectonic and seismic hazard in Malaysia. This research was carried out to provide input to national strategy and policy. Among the activities emanating from this study are the national workshop and research programmes.

Bengkel Kebangsaan *"Tsunami and Earthquake Hazard Mitigation: Considerations for Malaysian Planning Design & Construction Practice"*

Akademi Sains Malaysia dan Pusat Penyelidikan Perumahan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia menganjurkan Bengkel Kebangsaan bertajuk *"Tsunami and Earthquake Hazard Mitigation: Considerations for Malaysian Planning Design & Construction Practice"* pada 22-23 Ogos 2005 di Pulau Pinang. Seramai 50 peserta menghadiri bengkel tersebut. Objektif bengkel ini adalah untuk membentangkan bencana gempabumi dan tsunami di Malaysia dan negara-negara ASEAN. Ia juga membincangkan langkah-langkah mitigasi termasuk perancangan, rekabentuk dan pembinaan struktur kejuruteraan, pembelajaran daripada pengalaman dan amalan negara lain. Di antara penceramah yang hadir di bengkel tersebut terdiri daripada Profesor Narendra Taly dari *California State Univesity*, Prof. Dr. Mashur Irsyam dari *Institute of Technology* Bandung, Indonesia dan Prof. D.K. Paul dari India. Bengkel ini turut membincangkan dasar dan undang-undang mitigasi bencana gempabumi Malaysia. Peserta juga mendapat peluang melawat kawasan bencana tsunami di Kuala Muda, Kedah.

Kajian Bencana dan Risiko Tsunami dan Gempabumi di Malaysia

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengarahkan Akademi Sains Malaysia untuk menjalan kajian berkenaan kesan gempabumi di Malaysia. Lanjutan dari itu, Akademi Sains Malaysia telah dilantik sebagai Pengurus Projek bagi Kajian Bencana dan Risiko Gempabumi dan Tsunami di Malaysia pada 13 Disember 2005. Objektif projek adalah untuk menilai risiko gempabumi dan tsunami di Malaysia. Di antara agensi dan universiti yang terlibat dalam kajian

National Workshop on "Tsunami and Earthquake Hazard Mitigation: Considerations for Malaysian Planning Design & Construction Practice"

The Academy of Sciences Malaysia and Housing Research Centre, Faculty of Engineering, Universiti Putra Malaysia organised a National Workshop on "Tsunami and Earthquake Hazard Mitigation: Considerations for Malaysian Planning Design & Construction Practice" from 22 –23 August 2005 in Pulau Pinang. About 50 participants attended the workshop. The objective of the Workshop was to present the potential hazards resulting from earthquakes or earthquake-related natural disasters in Malaysia and countries in the ASEAN region. It also discussed possible mitigation measures including the planning, design and construction of engineering structures, learning from experiences and practices in other countries. Among the speakers at the workshop were Prof Narendra Taly from California State University, Prof Dr Mashur Irsyam from Institute of Technology Bandung, Indonesia, and Prof D.K Paul from India. The workshop discussed policies and regulations on earthquake hazard mitigation in Malaysia. The participants also had the opportunity to visit the tsunami-affected areas in Kuala Muda, Kedah.

Tsunami and Seismic Hazards and Risk Study in Malaysia

The Ministry of Science, Technology and Innovation had directed the Academy of Sciences Malaysia to undertake a study relating to the impact of earthquakes and tsunamis in Malaysia. Subsequently, the Academy was appointed as the Project Manager for the Seismic and Tsunami Hazards and Risk Study project on 13 December 2005. The objectives of the project were to assess the seismicity in Malaysia, Among the agencies and universities involved in the study are the

ini adalah Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Projek tersebut sedang dalam proses perlaksanaan.

Malaysian Meteorological Department, Mineral and Geoscience Department, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, and Universiti Putra Malaysia. The project is currently ongoing.

Hasil kajian yang akan dikemukakan kepada Kerajaan merupakan laporan yang mengandungi penilaian bencana gempa bumi dan tsunami serta syor-syor strategi, amalan dan peraturan yang akan dilaksanakan oleh agensi berkaitan termasuk ringkasan untuk penggubal dasar, pelbagai peta seperti peta *'macrozonation'* dan peta '*microzonation*' bagi beberapa bandar utama serta spektrum respon rekabentuk.

The expected deliverables to the Government will be a Report containing an assessment of earthquake and tsunami hazards as well as recommendations on strategies, practices and regulations to be implemented by the relevant agencies including a summary for policy makers as well as a macrozonation map, microzonation maps of several major cities, and a design response spectrum.

KAJIAN *DUE DILIGENCE*

Pada tahun 2005, Akademi Sains Malaysia ditugaskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk melaksana *'due diligence'* ke atas kertas cadangan berkenaan *"Establishment of National Brain Research Centre"* dan *"Collaboration between International Foundation for Science (IFS), Malaysian Scientific Association (MSA) and Ministry of Science, Technology and Innovation."*

Akademi mencadangkan Professor Ishwar memberi sumbangan kepada pembangunan kapasiti penyelidikan di dalam bidang neuroendrokrinologi/neuropeptida serta neuroendokrinologi ikan Malaysia melalui kerjsama dengan Universiti Malaya dalam bidang penyelidikan neuropeptida dan dengan Universiti Putra Malaysia dalam bidang penyelidikan ikan.

Akademi Sains Malaysia juga mencadangkan kepada MOSTI untuk menyokong program kerjasama antara IFS, MSA dan MOSTI dengan membiayai kos yang berkaitan dengan *'mentorship'* di universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan di Malaysia. Akademi

DUE DILIGENCE STUDY

In 2005, the Academy of Sciences Malaysia was requested by the Ministry of Science, Technology and Innovation to conduct due diligence on the proposals on "Establishment of a National Brain Research Centre" and "Collaboration between International Foundation for Science (IFS), Malaysian Scientific Association (MSA) and Ministry of Science, Technology and Innovation."

The Academy recommended that Professor Ishwar contribute to research capacity building in the area of neuroendocrinology/neuropeptide and fish endocrinology in Malaysia though collaboration with University of Malaya in the area of neuropeptide research and Universiti Putra Malaysia in fish research.

The Academy of Sciences Malaysia also recommended MOSTI to support the collaboration programme between IFS and MSA with MOSTI by covering the costs related to mentorship at Malaysian universities and research institutions. The Academy agreed to become the coordinator

Sains Malaysia bersetuju menjadi penyelaras program di mana ASM akan bertanggungjawab dalam memadankan *'mentee'* dan *'mentor'* yang sesuai serta menyediakan laporan dan maklumbalas kepada MOSTI apabila perlu.

RANKING BAGI PROGRAM PENYELIDIKAN DI MALAYSIA

Merujuk kepada cadangan untuk mewujudkan satu sistem pemantauan untuk mengikuti perkembangan prestasi saintis dan institusi di Malaysia, Akademi Sains Malaysia telah mengadakan lawatan ke pejabat Thomson ISI (*Institute of Scientific Information*) di Singapura pada 10 Mac 2005. Delegasi terdiri daripada Prof. Datuk Mazlan Othman FASc, Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia, Dr. Francis Ng FASc, Felo Akademi Sains Malaysia, Dato' Dr. Samsudin Tugiman, Pengarah Eksekutif Akademi Sains Malaysia dan Tengku Sharizad Tengku Dahlan, Pegawai Sains Kanan. Salah satu dari objektif lawatan adalah untuk meninjau maklumat yang ada di Thomson ISI mengenai Malaysia yang berguna dan juga untuk meninjau perkembangan terkini produknya yang relevan serta implikasi kewangan bagi perkhidmatannya. Dengan lawatan tersebut Akademi berjaya mendapat maklumat tentang produk dan perkhidmatan di ISI.

of the programme where it will be responsible for the matching between the mentees and suitable mentors and providing report and feedback to MOSTI as and when needed.

RANKING OF RESEARCH PROGRAMMES IN MALAYSIA

In view of the proposal to set up a monitoring system to track the performance of scientists and institutions in Malaysia, the Academy of Sciences Malaysia visited Thomson ISI (Institute of Scientific Information) office in Singapore on 10 March 2005. The delegation consisted of Prof Datuk Dr Mazlan Othman FASc, Secretary General Academy of Sciences Malaysia, Dr Francis Ng FASc, Fellow Academy of Sciences Malaysia, Dato' Dr Samsudin Tugiman, Executive Director Academy of Sciences Malaysia and Tengku Sharizad Tengku Dahlan, Senior Scientific Officer. One of the objectives of the visit was to see what information Thomson ISI had on Malaysia that was useful and to find out the future development of its products which are of relevance and the financial implications of the service. The visit provided the Academy with information on available products and services of ISI.



Program Kecemerlangan Saintifik

Scientific Excellence Programme

Malaysia, sebagai sebuah negara yang maju dan cepat membangun di dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, perlu meningatkan kebolehan dan kemampuan di dalam bidang penyelidikkan dan pembangunan. Akademi memainkan peranan yang penting dalam membantu negara mencapai matlamat ini dengan menjuarai program-program kecemerlangan sains melalui pelbagai program kepada pelbagai kumpulan sasaran. Melalui program ini, Akademi telah menjemput ramai pemenang Hadiah Nobel dan Saintis terkenal dengan tujuan membina rangkaian kerjasama dengan pusat kecemerlangan sains dan teknologi di dunia.

It is imperative for Malaysia as a fast growing nation in science, technology and innovation, to increase its capacity and capability in research and development. The Academy plays a vital role in meeting this demand by championing the fostering of a culture of scientific excellence through programmes for various target groups. Through this platform, the Academy invites Nobel Laureates and Eminent Scientists with the aim of building networks and collaboration with many of the world's centres of excellence in science & technology. Under this trust, the Academy also manages the Scientific Advancement Fund Allocation (SAGA) for Fundamental Science research which is given to develop a strong fundamental science base of international standard in Malaysia.

DANA KECEMERLANGAN SAINTIFIK (SAGA)

SAGA mempunyai visi untuk menghasilkan kumpulan saintis dalam bidang sains asas yang bertaraf antarabangsa dan menubuhkan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Sains Asas dalam bidang utama yang dikenalpasti.

Fizik merangkumi bidang-bidang seperti *'Condensed Matter', 'Particle Physics'* dan *'Astrophysics'*, *'Atomic Physics* dan *Optics'*, *'Biophysics'* dan *'Medical Physics'* dan *'Theoretical Physics'*. Bidang kimia pula meliputi rekaan *'Molecular Design'* dan *'Synthesis'; 'Chemical Physics'; 'Material Chemistry'* dan *'Chemical Phenomena'*. Bidang fisiologi dan perubatan merangkumi mekanisma perkembangan penyakit; regulasi dan isyarat sel; konsep dan teknologi novel; novel terapi dan sains otak.

Setakat ini sebanyak 61 projek ditaja di bawah SAGA dengan jumlah keseluruhan pembiayaan adalah RM15,757,570. Carta 1 menunjukkan gambaran bilangan aplikasi dan projek yang diluluskan di dalam bidang fizik, kimia dan fisiologi atau perubatan. Carta 2 menunjukkan peratus bagi penyelidikan asas dan bukan asas SAGA bagi pusingan 1 dan 2. Terdapat

SCIENTIFIC ADVANCEMENT FUND ALLOCATION (SAGA)

SAGA has a vision to build a pool of scientists of international standing in fundamental sciences and to create Centres of Excellence in Fundamental Research in identified priority areas.

The major fields covered under Physics are Condensed Matter; Particle Physics and Astrophysics; Atomic Physics and Optics; Biophysics and Medical Physics and Theoretical Physics. The Chemistry discipline covered Molecular Design and Synthesis; Chemical Physics; Material Chemistry and Chemical Phenomena. Physiology or Medicine covered the areas of Mechanism of Disease Development; Cell Regulation and Signaling; Novel Technologies and Concepts; Novel Therapeutics and Brain Science.

Thus far 61 projects are being funded under SAGA with a total funding amount of RM15,757,570. Chart 1 provides an overview of the breakdown of number of applications and approved projects in the fields of Physics, Chemistry and Physiology or Medicine. Chart 2 shows the percentage of fundamental and non-fundamental research applications for SAGA in rounds 1 and 2. There

OVERALL STATUS OF FUNDING
SAGA ROUND 1 &2

Clusters	Applications Received		Projects Approved		Amount Approved (RM)	
	SAGA Round 1	SAGA Round 2	SAGA Round 1	SAGA Round 2	SAGA Round 1	SAGA Round 2
PHYSICS	49	7	8	3	1,430,820.34	538,939.31
CHEMISTRY	113	50	15	15	3,708,176.84	2,616,215.00
PHYSIOLOGY OR MEDICINE	106	36	5	15	1,950,000.00	5,377,419.12
TOTAL	268	93	28	33	7,088,997.18	8,534,573.43

Total Number of Projects approved: 61 Projects

Total Amount approved: RM 15,623,570.61

Carta 1:
Status Keseluruhan Dana SAGA Pusingan 1 & 2.


Chart 1:
Overall Status of Funding, SAGA Rounds 1 & 2.

pengurangan yang signifikan dalam bilangan aplikasi bukan sains asas bagi SAGA pusingan kedua berbanding dengan pusingan pertama, memandangkan komuniti saintifik telah mempunyai kefahaman tentang kriteria utama SAGA, iaitu peruntukan untuk penyelidikan sains asas sahaja. Sebanyak 361 daripada permohonan yang diterima untuk SAGA pusingan 1 dan 2, hanya 61 projek diluluskan sebagai kriteria utama untuk peruntukan SAGA, di mana pemohon mestilah merupakan penyelidik yang mempunyai rekod yang terbukti dalam bidang yang diminta dan mempunyai keupayaan untuk menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal antarabangsa. Statistik menunjukkan bahawa kebanyakkan permohonan dan projek yang telah diluluskan adalah dalam bidang Kimia diikuti dengan Fisiologi atau Perubatan dan Fizik.

has been a significant reduction in the number of non-fundamental science applications in round 2 of SAGA as compared to round 1 as the scientific community has gained a better understanding of SAGA's main criteria i.e. funding for fundamental sciences research only. Out of a total of 361 applications received for SAGA rounds 1 and 2, only 61 projects were approved as another major criteria for SAGA funding is that applicants must be researchers with a proven track record in the field of funding requested and have the ability to publish in internationally refereed journals. Statistics show that the most number of applications and approved projects are in the Chemistry field followed by the Physiology/ Medicine and Physics.

Daripada 61 projek SAGA yang diberi peruntukan, dalam bidang Kimia, bidang penyelidikan yang paling banyak projek ialah 'Rekabentuk Molekul dan Sintesis'. Bagi Fisiologi atau Perubatan, bidang penyelidikan yang paling banyak projek adalah '*Mechanism of Disease Development*', '*Cell Regulation and Signaling*' dan '*Novel Therapeutics*'. Manakala dalam bidang Fizik, adalah '*Particle and Astrophysics*' diikuti dengan '*Condensed Matter*'.

Out of the 61 SAGA projects that are currently being funded, in the Chemistry field, the research area with the most number of projects is 'Molecular Design and Synthesis'. As for Physiology or Medicine, the research areas with the most number of projects are 'Mechanism of Disease Development', 'Cell Regulation and Signaling' as well as 'Novel Therapeutics'. In the field of Physics, the research areas with the most number of funded projects are 'Particle and Astrophysics' followed by 'Condensed Matter'.



Carta 2:
Peratus bagi Penyelidikan Asas dan Bukan Asas Aplikasi SAGA Pusingan 1 & 2.

Chart 2:
Percentage of Fundamental & Non Fundamental Research Applications, SAGA Rounds 1 & 2.

ANUGERAH KECEMERLANGAN SAINTIFIK ASM PENGHORMATAN KEPADA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Anugerah ini diberi kepada penyelidik yang telah menghasilkan penemuan penting yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang Perubatan Tropika, Pertanian Tropika, Senibina dan Kejuruteraan Tropika serta Sumber Alam Tropika. Hadiah bagi Anugerah ini merupakan wang tunai RM 100,000.00, beserta pingat dan sijil. Kriteria pencalonan untuk penganugerahan adalah penyelidik yang telah menghasilkan penemuan penting dalam penyelidikan tropika yang mendapat pengiktirafan antarabangsa serta membawa impak positif kepada masyarakat. Pencalonan boleh dibuat oleh individu atau institusi dan penerimaan anugerah juga boleh terdiri daripada individu atau institusi.

Pada tahun 2005, Akademi Sains Malaysia menerima sejumlah 17 pencalonan dari 10 negara termasuk Malaysia yang menamakan 6 calon. Input daripada dua ahli Panel Penasihat Antarabangsa iaitu Nobel Laureate Prof. Dr. Douglas Osheroff dan Nobel Laureate Prof. Lee Yuan Tseh juga turut diterima.

Semua Felo Akademi telah diundang untuk memilih pemenang melalui undian pada 6 Ogos 2005, dan Prof John Sheppard Mckenzie, Curtin University of Technology, Australia dalam bidang Perubatan Tropika dan merupakan penerima pertama anugerah nobel tersebut. Penyampaian hadiah telah disempurnakan pada 3 September 2005 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong.

Professor Mackenzie merupakan Felo *Premier* dan Profesor bagi Penyakit Berjangkit Tropika di Bahagian Sains Kesihatan di *Curtin University of Technology*, Australia. Sumbangan Profesor Mackenzie yang terbesar adalah penyelesaian

ASM SCIENTIFIC EXCELLENCE AWARD IN HONOUR OF TUN DR MAHATHIR MOHAMAD

This Award is given to researchers who have made internationally recognised breakthroughs in tropical research in the fields of Tropical Medicine, Tropical Agriculture, Tropical Architecture and Engineering, and Tropical Natural Resources. The Award carries a cash prize of RM 100,000.00, a medal and a certificate. The nomination criteria for the awards are researchers who have made major breakthroughs in tropical research that have gained international recognition and brought greater positive impacts on the society. Nominations can be made by individuals or institutions and the recipient can be an individual or an institution.

In the year 2005, the Academy received a total of 17 nominations from 10 countries, including Malaysia which nominated 6 candidates. Input from two members of the International Advisory Panel namely Nobel Laureate Prof Dr Douglas Osheroff and Nobel Laureate Prof Lee Yuan Tseh as an International Advisory Panel were also received.

Fellows elected the winner by voting on 6 August 2005 and Prof John Sheppard Mckenzie, Curtin University of Technology, Australia in the field of Tropical Medicine became the first recipient of the award. Conferment of the award on the recepient by Yang Di Pertuan Agong was held on 3 September 2005.

Professor Mackenzie is the Premier Fellow and Professor of Tropical Infectious Diseases at the Division of Health Sciences at Curtin University of Technology, Australia. Professor Mackenzie's major contribution is in solving the problems

masalah berhubung dengan virus *Japanese Encephalitis*. Beliau terlibat dalam penyelidikan ke atas *phlogeny*, penyebaran virus ke Indonesia, Papua New-Guinea dan kepulauan Selat Torres, jenis nyamuk yang terlibat dalam jangkitan, analisa risiko dalam pembangunan kawasan baru dan menjelaskan ekologi virus di Papua New-Guinea dan Selat Torres. Akademi berharap penganugerahan ini akan membuka peluang untuk kerjasama dalam bidang penyelidikan dengan saintis terkemuka dalam bidang ini.

related to the Japanese Encephalitis virus. He has been involved in the investigation of the phylogeny, *virus movement into Indonesia, Papua-New Guinea and the Torres Straits Islands, the kind of mosquitoes involved in transmission, risk analysis about establishment in new areas, and elucidating the ecology of the virus in Papua-New Guinea and Torres Strait. The Academy envisages that the award will open the window of opportunities for research collaboration with renowned scientists in this area.*

PROGRAM TABUNG AMANAH PERUBATAN DR. RANJEET BHAGWAN SINGH 2005

Bagi tahun 2005, dua aktiviti utama telah dilaksanakan di bawah Program Tabung Amanah Perubatan Dr. Ranjeet Bhagwan Singh ialah Syarahan Memorial dan Bengkel Teknikal. Syarahan Memorial Dr. Ranjeet Bhagwan Singh Ke-7 telah diadakan pada 8 November 2005 di Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur. Prof. Sir Alec Jeffreys dari *University of Leicester*, United Kingdom menyampaikan syarahan bertajuk *"Genetic Finger Printing and Beyond"*.

DR. RANJEET BHAGWAN SINGH MEDICAL TRUST PROGRAMME 2005

For the year 2005, two main activities were conducted under the Dr Ranjeet Bhagwan Singh Medical Trust Fund Programme; namely Memorial Lecture and Technical Workshop. The 7th Dr Ranjeet Bhagwan Singh Memorial Lecture was organised on 8 November 2005 at the Institute for Medical Research, Kuala Lumpur. Prof Sir Alec Jeffreys from University of Leicester, United Kingdom delivered a lecture entitled "Genetic Finger Printing and Beyond". Approximately 300



Peserta yang menyertai Syarahan Memorial Dr. Ranjeet Bhagwan Singh.
Participants at the Dr. Ranjeet Bhagwan Singh Memorial Lecture.



Prof. Sir Alec Jeffreys semasa persidangan media di IMR.
Professor Sir Alec Jeffreys during the press conference at IMR.



Peserta teknikal bengkel diberi latihan oleh pakar perunding bengkel.
Technical workshop participants observe being given hands-on training by the workshop consultants expert team.



Perunding teknikal bengkel.
Technical workshop consultant.

Kira-kira 300 jemputan dari universiti, institut penyelidikan dan agensi Kerajaan menghadiri syarahan tersebut. Syarahan dipengerusikan oleh Prof. Dr. Koh Chong Lek FASc. Prof. Sir Alec Jeffreys juga melawat Jabatan Kimia, Petaling Jaya di mana beliau telah melawat makmal dan diberi taklimat mengenai aktiviti Jabatan.

guests representing universities, research institutes and government agencies attended the lecture. The lecture was chaired by Prof Dr Koh Chong Lek FASc. Prof Sir Alec Jeffreys also visited the Department of Chemistry, Petaling Jaya where he visited the laboratories and was given a briefing on the activities of the Department.

Pada tahun ini, bengkel Teknikal Dr. Ranjeet Bhagwan Singh telah dianjurkan bersama Universiti Malaya dari 14-17 Disember 2005. Bengkel bertajuk *"New Methods of Monitoring Immunity"* dikendalikan oleh sekumpulan pakar dari Australia termasuk Dr. Gunasegaran Karupiah, Ketua Kumpulan Penyakit Berjangkit, *John Curtin School of Medical Research, Australian National University* serta Dr. Phillip Hodgkin, Felo Utama Penyelidikan dan Presiden *Australian Society for Immunology* dan juga enam pakar teknikal. Sejumlah 35 penyelidik mengambil

This year the Dr Ranjeet Bhagwan Singh Technical Workshop was organised in collaboration with University of Malaya from 14 – 17 December 2005. The workshop entitled 'New Methods of Monitoring Immunity' was conducted by a group of experts from Australia which included Dr Gunasegaran Karupiah, Head of Infection and Immunology Group, the John Curtin School of Medical Research, Australian National University and Dr Philip Hodgkin, Principal Research Fellow and President of Australian Society for Immunology together with six other technical



Academician Dato' Dr. Salleh Mohd Noor FASc menyampaikan cenderamata kepada Prof. Sir Alec Jeffreys.
Academician Dato' Dr. Salleh Moh Noor FASc presenting a memento to Prof. Sir Alec Jeffreys.



Para peserta Bengkel Teknikal Bhagwan Singh.
Participants of Bhagwan Singh Technical Workshop.

bahagian dalam bengkel dan mereka diperkenalkan dengan teknik pengawasan imuniti. Bengkel ini juga membolehkan universiti terbabit membina rangkaian kerja untuk menjalankan penyelidikan bersama di kalangan universiti dan pakar-pakar. Penyelidik juga bersetuju untuk melatih rakan kerja mereka tentang teknik yang dipelajari di universiti masing-masing.

experts. A total of 35 researchers participated in this workshop and they were introduced to the technique of monitoring immunity. This workshop also enabled the participating universities to establish networks to undertake joint research among universities and experts. The researchers also agreed to train their colleagues on the techniques at their respective universities.

ANUGERAH PENYELIDIKAN KANSER MAKNA

Akademi Sains Malaysia telah menguruskan permohonan dan pemilihan Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA semenjak tahun 2002. Akademi mengambil peluang ini dengan menggunakan kepakaran felo untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA untuk tahun 2004 telah disampaikan pada 11 Januari 2005 di Universiti Putra Malaysia. Acara Penyampaian Anugerah telah disempurnakan oleh YB Dato' Kong Cho Ha, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Dua penyelidik yang menerima anugerah adalah Cik Lim Moon Nian dari Institut Penyelidikan Perubatan dan Dr. Latifah Saiful Yazan dari Universiti Putra Malaysia. Penyelidikan mereka adalah mengenai *"Suppression of Multidrug Resistant Gene in Acute Myeloid Leukaemia Cells by Small Interfering RNA"* dan *"The in vivo Anti-tumour*

MAKNA CANCER RESEARCH AWARD

The Academy of Sciences Malaysia has been managing the applications and vetting of the MAKNA Cancer Research Award since 2002. The Academy takes this opportunity to utilise the expertise of its Fellows to benefit society through this programme.

The MAKNA Cancer Research Award for the year 2004 was awarded on 11 January 2005 at Dewan Taklimat, Universiti Putra Malaysia. The Award Ceremony was graced by YB Dato' Kong Cho Ha, Deputy Minister of Science, Technology and Innovation. The two researchers who won the award were Ms. Lim Moon Nian from Institute for Medical Research and Dr Latifah Saiful Yazan from Universiti Putra Malaysia. Their research studies were "Suppression of Multidrug Resistant Gene in Acute Myeloid Leukaemia Cells by Small Interfering RNA" and "In vivo Anti-tumour Promoting Activity of Bacteriocins from Lactic



Pemenang Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA 2005.
The successful recipients of the MAKNA Cancer Research Award 2005.

Promoting Activity of Bacteriocins from Lactic Acid Bacteria on Chemical Carcinogenesis in Mice Skin".

Untuk tahun 2005, Akademi telah menerima 27 permohonan dari pelbagai institusi penyelidikan. Tahun ini, jawatankuasa pemilihan yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Cheong Soon-Keng FASc telah memberikan Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA 2005 kepada tiga penyelidik seperti berikut:

(i) Masriana bt Hassan - RM 40,000
(ii) Mohd. Zulkefeli b. Mat Jusoh - RM 30,000
(iii) Yap Yoke Yeow - RM 30,000

PROGRAM SAINS ANGKASAWAN

Jawatankuasa Pemandu Program Angkasawan Negara yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Najib Tun Razak yang bersidang pada 2004 telah melantik Akademi Sains Malaysia sebagai pengurus program sains yang akan diadakan sempena penempatan Angkasawan Malaysia pertama di *International Space Station* (ISS) pada Oktober 2007.

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) sebagai penerima program tersebut yang merupakan salah satu program *'offset'* pembelian kapal terbang SU-30MKN oleh Kementerian Pertahanan dari Rusia, telah bekerjasama rapat dengan Akademi, bukan sahaja dalam aspek sains, tetapi juga kesedaran awam. Beberapa pertukaran lawatan antara saintis Rusia dan Malaysia telah diadakan dalam konteks sains, kesedaran awam dan pengurusan program keseluruhan.

Walaupun pihak Rusia akan melancarkan Angkasawan Malaysia ke ISS, beberapa negara lain turut terlibat dalam program sains tersebut. Negara tersebut termasuklah Amerika Syarikat, Kanada, Itali dan Sepanyol. Program ini dijangka

Acid Bacteria on Chemical Carcinogenesis in Mice Skin" respectively.

For the year 2005, the Academy received 27 applications from various research institutions. This year the vetting committee chaired by Professor Dr Cheong Soon-Keng FASc has awarded the MAKNA Cancer Research Award 2005 to three researchers as follows:

(i) Masriana bt Hassan - RM 40,000
(ii) Mohd Zulkefeli b Mat Jusoh – RM 30, 000
(iii) Yap Yoke Yeow – RM 30, 000

THE ANGKASAWAN SCIENCE PROGRAMME

The National Angkasawan Programme Steering Committee chaired by Dato' Sri Najib Tun Razak which convened in 2004 appointed the Academy of Sciences Malaysia as the manager of the sciences programme that will be carried out by Malaysian's first Angkasawan at the International Space Station (ISS) in October 2007.

The National Space Agency (ANGKASA) as the recipient of the programme which is an offset of the purchase of the SU-30MKN planes by the Ministry of Defence from Russia, worked closely with the Academy, not only in the aspects of science but public awareness as well. Several exchange visits of Russian and Malaysian scientists were held in the context of science, public awareness and management of the programme in general.

Even though the Russians will launch the Malaysian Angkasawan to ISS, several other countries are also involved in the science programme , including USA, Canada, Italy and Spain. The programme is expected to cover life

akan meliputi sains biologi, sains fizikal, perubatan angkasa dan teknologi makanan.

KEM KREATIVITI SAINS-SENI

Sejajar dengan mandatnya untuk mempromosi kreativiti, Akademi telah menganjur dan membiayai bersama Kem Kreativiti Sains-Seni bersama UKM, Taman-taman Sabah, Balai Seni Lukis Negara dan UiTM.

Kem tersebut telah diadakan dari 4 hingga 8 Julai 2005 di Pulau Tiga, Sabah, bertujuan untuk mempromosi kreativiti melalui interaksi dua-hala antara para saintis dan artis. Berkisar sekitar tema 'Alun', Kem tersebut telah dihadiri oleh 56 peserta , 22 daripada mereka adalah saintis dari Akademi, Universiti dan Taman-taman Sabah dalam bidang kimia, geologi, fizik, biologi dan matematik. Peserta lain adalah dari bdang seni tampak, pentas dan sastera.

Kesemua aktiviti telah diatur supaya memaksimunkan interaksi antara semua peserta. Aktiviti ini merangkumi acara seni pentas, ekspedisi maritim, biologi, geologi dan kimia, serta kuliah berkaitan tema 'Alun'. Antara acara kemuncak ialah projek bersama yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan empat orang yang terdiri daripada artis dan saintis untuk menghasilkan pemasangan seni yang diperbuat daripada batu dan bahan semulajadi lain. Karya-karya seni ini telah diintegrasikan sebagai satu pemasangan taman di Pulau Tiga yang dipersembahkan sebagai hadiah kepada Taman-taman Sabah.

Satu lagi usahasama luar biasa ialah pementasan tarian di lumpur gunung berapi yang terdapat di pulau tersebut. Setiap peserta telah menghasilkan lukisan berkaitan dengan tema alun menggunakan bahan lukisan asas dan bahan lain yang terdapat di pulau. Setiap peserta juga dijangka akan menghasilkan karya yang akan dipamerkan di Balai Senil Negara pada 2006.

sciences, physical sciences, space medicine and food technology.

SCIENCE-ART CREATIVITY CAMP

In line with its mandate to promote creativity, the Academy jointly organised and sponsored the Science-Arts Creativity Camp with UKM, Sabah Parks, the National Arts Gallery and UiTM.

The camp was held from 4 to 8 July 2005 at Pulau Tiga , Sabah, with the objective of promoting creativity through two-way interactions between artists and scientists. Revolving around the theme "Alun " meaning wave or cycle, it was attended by 56 paticipants, 22 of whom were scientists from the Academy, Universities and Sabah Parks in the field of chemistry, geology, physics, biology and mathematics. The other participants were from the fields of visual, performing and literary arts.

Activities were organised around theme that would ensure maximum interaction between all participants and spanned performing arts events, maritime, biological, geological and chemistry related expeditions, and lectures related to the theme, "Alun". Among the highlights of the camps was a joint project where groups of four participants, containing both artists and scientists, combined efforts to produce artistic installations from rocks and other natural ingredients. The artistic works were integrated as a garden installation of Pulau Tiga and presented to Sabah Park.

Another unusual joint effort was the artistic performance in the mud volcano found on the island. Each participant also produced a painting related to the theme of waves and cycles using basic art material and those found in nature. Each participant is expected to produce a piece of work to be exhibited at the National Art Gallery in 2006.



Program Kesedaran Sains

Science Awareness Programme

Memandangkan masa depan negara bergantung kepada generasi muda hari ini, adalah amat penting untuk memastikan pengasuhan mereka sejak kecil bermula dengan asas sains dan teknologi dan menjadi tanggungjawab bersama bagi melengkapkan mereka dengan kebolehan untuk memenuhi cabaran dan mencapai kejayaan sebagai pemimpin hari esok. Oleh yang demikian, Akademi meneruskan misinya untuk meningkatkan kesedaran sains dan teknologi di kalangan generasi muda, dan mewujudkan minat mempelajari mata pelajaran sains dan seterusnya meneruskan kerjaya dalam bidang sains. Untuk tujuan tersebut pelbagai program telah dijalankan oleh Akademi.

As the future of our nation lies with today's young generation, it is essential to nurture them from the beginning on a right foundation in science and technology and equip them to meet the challenges that are ahead and thrive as the leaders of tomorrow. Thus the Academy continues on a mission to create science awareness and generate interest to learn science and pursue a career in science among the young. Various programmes are conducted to this effect, ranging from school activities to programmes for the public.

SIRI SYARAHAN "*ASM EMINENT PERSONS*"

Academician Dato' Ir. Lee Yee Cheong FASc telah menyampaikan syarahan *"ASM Eminent Person"* yang bertajuk *"Enginners, Engineering and Millenium Development Goals (MDG)" pada* 20 Mei 2005 di Institut Asia-Eropah. Syarahan yang dihadiri oleh 70 peserta membentangkan mengenai peranan penting SET di dalam membantu negara-negara membangun mencapai MDG melalui kerjasama Selatan-Selatan. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan menghasilkan pelan tindakan pada tahun 2005 untuk melaksanakan MDG bagi mengurangkan kemiskinan, mengurangkan kelaparan, memberi bantuan perubatan kepada mangsa penyakit pandemik dan menghalang kerosakan alam sekitar. Syarahan tersebut memberi banyak maklumat kepada para peserta mengenai *Millennium Project* (MP) 2002–2005 yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sebagai memenuhi permintaan untuk mengedarkan maklumat mengenai MDG kepada masyarakat umum, Akademi menjemput universiti dan institusi pengajian tinggi untuk bersama menganjurkan syarahan tersebut. Kolej Unversiti Tun Hussein Onn (KUiTHO), Universiti Malaya, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) telah memberi maklum balas mengenai jemputan tersebut dan hingga kini YBhg. *Academician* Dato' Ir. Lee Yee Cheong FASc telah memberi kuliah di KUiTHO.

SIRI SYARAHAN PERDANA ASM

Akademi Sains Malaysia telah menganjurkan satu Syarahan *Inaugural* oleh Profesor Dr. Victor K.E. Lim FASc pada 26 February 2005. Beliau menyampaikan syarahan mengenai "*Emerging Infections in South-East Asia*". Kuliah diadakan di

ASM EMINENT PERSONS LECTURE SERIES

Academician Dato' Ir Lee Yee Cheong FASc delivered his ASM Eminent Persons Lecture entitled 'Engineers, Engineering and Millennium Development Goals (MDGs)' on 20 May 2005 at Asia-Europe Institute. The lecture which was attended by 70 participants presented the crucial role of SET in helping developing countries achieve MDGs through South-South collaboration. The UN will formulate an action plan in 2005 to implement the MDGs to alleviate poverty, reduce hunger, provide medical care to victims of pandemic diseases and arrest further environmental degradation. The lecture on the Millennium Project (MP) 2002-2005 conducted by the United Nations was very informative and educational to the participants.

In response to the request to make information on MDGs available to the public, the Academy invited universities and higher learning institutions to co-organise the lecture. Kolej Universiti Tun Husein Onn (KUiTHO), University of Malaya, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) and International Islamic University (IIU) had responded to the invitation and to date YBhg Academician Dato' Ir Lee Yee Cheong FASc has successfully delivered his lecture at KUiTHO.

ASM INAUGURAL LECTURE SERIES

The Academy of Sciences Malaysia organised an Inaugural Lecture by Professor Dr. Victor K E Lim FASc on 26 February 2005. He delivered a lecture entitled "Emerging Infections in South East Asia." The lecture was held at the Institute of Medical

Institut Penyelidikan Perubatan dan dihadiri oleh 270 peserta dalam bidang akademik dan perubatan.

Syarahan Professor Dr. Victor Lim memberi fokus tentang punca penyakit yang menyebabkan infeksi di mana ia tidak begitu difahami tetapi ia bersifat kompleks dan *'multi-factorial'* yang melibatkan mikrobilogi, faktor sosio-ekonomi persekitaran. Syarahan ini juga turut mengutarakan ciri-ciri mikrob yang amat bermanfaat dan sentiasa berupaya memperolehi faktor virulen yang baru, menyesuaikan diri kepada persekitaran/ hos baru, menukar antigen mereka serta memperolehi ketahanan antimikrobial.

SIRI SYARAHAN UMUM ASM

Akademi Sains Malaysia dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia menganjurkan satu Syarahan Umum bertajuk *"Opportunites, Challenges and New Perspective in Natural Products Research and Development"* pada 16 Februari 2005 di IDEAL, Universiti Putra Malaysia. Syarahan tersebut disampaikan oleh Prof Kurt Hostettman dari *University of Geneva.* Sejajar dengan lawatan beliau, Akademi juga mengadakan satu sesi dialog di kalangan penyelidik Malaysia dalam bidang Produk Asli Kimia untuk membincangkan isu-isu berkaitan teknologi, penyelidikan dan pembangunan di Malaysia. Sesi dialog diadakan pada 6 Februari 2005 di Makmal Produk Asli, Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia.

Satu lagi Syarahan Umum telah dianjurkan bersama oleh Akademi Sains Malaysia dan Universiti Putra Malaysia pada 20 April 2005. Syarahan bertajuk *"Intelligent Machines for Precision Farming"* telah disampaikan oleh Profesor Simon Blackmore dari *Centre for Precision Farming, Royal Veterinary and Agricultural University*, Denmark. Syarahan ini memberi fokus kepada kebun persendirian dan keperluannya, di mana setiap kebun dianalisa

Research and attended by 270 participants from both the academic and medical fields.

Professor Dr Victor Lim's lecture highlighted the reasons for emerging infections which are not completely understood as they appear to be complex and multi-factorial involving microbiological, environmental and socio-economic factors. The lecture further highlighted the characteristics of microbes which are extraordinarily resourceful and constantly able to acquire new virulent factors, adapt to new environments/ hosts, change their antigens and acquire antimicrobial resistance.

ASM PUBLIC LECTURE SERIES

The Academy of Sciences Malaysia with the collaboration of Universiti Putra Malaysia organised a Public Lecture entitled 'Opportunites, Challenges and New Perspective in Natural Products Research and Development' on 16 February 2005 at IDEAL, Universiti Putra Malaysia. The lecture was delivered by Profesor Kurt Hostettman from University of Geneva. In conjunction with his visit, the Academy also organised a dialogue session among Malaysian researchers from the field of Natural Chemical Products to discuss isues related to technology, research and development in Malaysia. The dialogue session was held on 6 February 2005 at the Natural Products Laboratory, Biosciences Institute, Universiti Putra Malaysia.

Another Public Lecture was jointly organised by the Academy of Sciences Malaysia and Universiti Putra Malaysia on 20 April 2005. The lecture entitled 'Intelligent Machines for Precision Farming' was delivered by Professor Simon Blackmore from Centre for Precision Farming, Royal Veterinary and Agricultural University, Denmark. Precision Farming focuses on the individual farm and its needs, and every single field is carefully analysed using modern

secara terperinci menggunakan teknologi seperti sistem '*global positioning*', fotografi digital udara dan penginderaan jauh serta peralatan pengurusan pentadbiran seperti statistik hasil. Syarahan Umum ini dihadiri oleh 70 peserta.

technology, such as global positioning system, digital air photography and remote sensing as well as traditional land surveys and administrative management tools such as yield statistics. The public lecture was attended by 70 participants.

Dalam siri syarahan yang sama, Akademi Sains Malaysia telah menjemput Prof Dr Wayne L. Myers menyampaikan syarahan di *Malaysian Centre for Remote Sensing* (MACRES) pada 30 September 2005 di bawah Program Budaya Kecemerlangan. Prof Myers merupakan Professor dalam bidang Perhutanan Biometrik dan Pengarah di *Office for Remote Sensing and Spatial Information Resources* di *Pennsylvania State University*. Beliau kini sedang di dalam cuti sabatikal dari *Pennsylvania State University* sebagai Felo Penyelidik di KUSTEM, Terengganu. Prof Myers menyampaikan syarahan bertajuk *"Macroscopes vs. Microscopes: The Multi-scale Science of Environment" di MACRES.*

The Academy of Sciences Malaysia extended an invitation to Prof Dr Wayne L. Myers to deliver a lecture at the Malaysian Centre for Remote Sensing (MACRES) on 30th September 2005 under its 'Fostering a Culture of Excellence Programme'. Prof Myers is a Professor of Forest Biometrics and Director of Office for Remote Sensing and Spatial Information Resources at the Pennsylvania State University. He is currently on sabbatical leave from Pennsylvania State University as a Research Fellow at KUSTEM, Terengganu. Prof Myers delivered a lecture on "Macroscopes vs. Microscopes: The Multi-scale Science of Environment" at MACRES.

Syarahan Umum ini dihadiri seramai lebih kurang 90 peserta yang terdiri daripada pegawai MACRES serta pegawai dari Kementerian dan institusi seperti Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli, JPSM, Perhilitan, FRIM, MPOB, MRB dan UPM. Syarahan Prof Myers merangkumi bidang yang luas dan beliau menyampaikan satu syarahan yang informatif. Beberapa peserta turut membincangkan mengenai teknologi *Geographic Information Systems* (GIS) yang memainkan peranan penting dalam organisasi kerajaan dan badan perniagaan.

The Public Lecture was well attended by about 90 persons mainly comprising MACRES Officers along with those from other Government Ministries / institutions such as Ministry of Natural Resources and Environment (MNRE), JPSM, Perhilitan, FRIM, MPOB, MRB and UPM. Prof Myers covered many broad areas and presented a very informative lecture. Some of the applications discussed were the GIS (Geographic Information Systems) technologies that serve important roles for many government organisations and commercial enterprises.

KUIZ DAN PROJEK SAINS NASIONAL DUMEX

Semenjak tahun 2004, pelajar sekolah rendah dari seluruh negara berpeluang untuk mempelajari sains dengan cara yang lebih menyeronokkan dengan adanya Kuiz dan Projek Sains Kebangsaan Dumex & Fiesta Rakan Esti. Pada tahun ini, program telah dirasmikan oleh YB. Datuk Profesor Dr. Mohd. Ruddin Abdul Ghani, Setiausaha Parlimen, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 10 Mac 2005 di SK Taman Melati, Kuala Lumpur. Program bergerak yang bermula di Kuala Lumpur berakhir di Sibu, Sarawak pada 25 Mei 2005.

Program ini dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Pendidikan dan disokong oleh DUMEX (Malaysia) Sdn. Bhd. Acara utama Fiesta adalah "Kuiz Sains Nasional Dumex" untuk pelajar tahun tiga dan ke bawah dan "Projek Sains Nasional DUMEX" untuk Tahun 4 - 6. Ia memberi peluang kepada para pelajar untuk menunjukkan bakat mereka.

DUMEX NATIONAL SCIENCE QUIZ AND SCIENCE PROJECT 2005

Since 2004, primary school students throughout the nation have the opportunity to learn about science in an exiting way during the "Dumex National Science Quiz and Science Project & Rakan Esti Fiesta". This year the programme was officiated by YB Datuk Professor Dr Mohd Ruddin Ab. Ghani, Parliamentary Secretary, Ministry of Science, Technology and Innovation on 10 March 2005 at SK Taman Melati, Kuala Lumpur. The road tour which started in Kuala Lumpur, ended in Sibu, Sarawak on 25 May 2005.

The programme is organised by the Academy of Sciences Malaysia, Ministry of Science, Technology & Innovation and Ministry of Education and supported by DUMEX (Malaysia) Sdn Bhd. The crest of the Fiesta will be the 'DUMEX National Science Quiz' for Year 3 and below and the 'DUMEX National Science Project' for Years 4 – 6. It provides an opportunity for our young learners to unleash their talents.



Dato' Dr Abdul Aziz S.A Kadir menemani Dato' Haji Kusaini Haji Hasbullah melawat tapak projek sains.
Dato' Dr Abdul Aziz S.A Kadir accompaning Dato' Haji Kusaini Haji Hasbullah to visit the Science Project Booth.



Pemenang Kuiz dan Projek Sains Nasional 2005 di London.
Winners of National Science Quiz and Science Project 2005 at London.

Pemenang kedua-dua kategori kuiz dan projek dari 15 buah negeri bertanding di peringkat akhir yang diadakan dari 31 Julai – 3 Ogos 2005 di Pusat Sains Negara. Selain daripada pertandingan, penganjur juga telah mengadakan program lawatan sambil belajar selama sehari semasa pelajar berada di Kuala Lumpur. Pelajar melawat Universiti Multimedia, Putrajaya dan kilang DUMEX di Nilai.


The champions of both quiz and project category from all the 15 states met during the grand finals held from 31 July – 3 August 2005 at the National Science Centre. Apart from the competition itself, the organisers had also organised a-one day study visit programme while they were in Kuala Lumpur. The students visited the Multimedia University, Putrajaya and the Dumex factory in Nilai.

Acara penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Kusaini Haji Hasbullah, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia pada 3 Ogos 2005. Kuiz Sains Nasional DUMEX 2005 dimenangi oleh SJK (C) Sam Tet, Ipoh manakala Projek Sains Nasinal DUMEX dimenangi oleh SJK (C) Chung Hwa, Kota Kinabalu. Kedua-dua sekolah memenangi "Trofi Cabaran Akademi Sains Malaysia", lawatan sambil belajar ke London, dan wang tunai RM 2000 kepada sekolah.

The closing and prize giving ceremony was graced by YBhg Dato' Haji Kusaini Haji Hasbullah, Deputy Director General School Department, Ministry of Education Malaysia on 3 August 2005. The DUMEX National Science Quiz 2005 was won by SJK (C) Sam Tet, Ipoh while the DUMEX National Science Project was won by SJK (C) Chung Hwa, Kota Kinabalu. Both winners won the "Academy of Sciences Malaysia Challenge Trophy", Study Visit to London, and Cash Prize of RM 2000 for the school.

Para pemenang berpeluang melawat pelbagai tempat menarik semasa lawatan ke London dari 27 November – 2 Disember 2005 seperti *Kew Gardens, Science Museum, Madame Tussaud, Planetarium, National Maritime Museum, Museum of London* dan Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak.

The champions had the opportunity to visit many interesting places in London from 27 November – 2 December 2005 such as Kew Gardens, Science Museum, Madame Tussaud and Planetarium, National Maritime Museum, Museum of London and the Tun Abdul Razak Research Centre.



Peserta di makmal kejuruteraan Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak.
Participants at the engineering lab, Tun Abdul Razak Research Centre.



Demonstrasi oleh Dr. Steve Stuart tentang ciri-ciri getah di Pusat Tun Abdul Razak.
Demonstration by Dr. Steve Stuart on characteristics of rubber at Tun Abdul Razak Centre.

Secara keseluruhannya didapati, minat para guru dan para pelajar semakin meningkat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Buat masa ini setiap negeri akan menamakan 30 kumpulan untuk kuiz dan 15 kumpulan untuk projek sains. Tahun ini Akademi menerima beberapa permintaan dari sekolah supaya Fiesta Rakan Esti dianjurkan di sekolah mereka dan juga untuk menambahkan jumlah penyertaan.

Overall, the programme saw increasing interest among teachers and students to participate in this competition. Currently, each state will nominate 30 teams for quiz and 15 teams for the science project. This year the Academy received several requests from schools to host the Rakan Esti Fiesta in their schools and to increase the number of participating teams.

KUIZ SAINS NASIONAL 2005

Sekali lagi, Akademi Sains Malaysia menganjurkan Kuiz Sains Nasional dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran dan Novozymes Malaysia Sdn Bhd. Tahun ini sebanyak 1408 sekolah mengambil bahagian dalam Kuiz Sains Nasional, merangkumi kesemua 15 negeri. Pusingan pertama iaitu ujian bertulis dilaksanakan di seluruh negara pada 23 April 2005, peringkat negeri pada 25 Jun 2005 dan peringkat zon pada 19 Ogos 2005.

Empat pemenang peringkat zon yang bertanding di peringkat akhir adalah SM Sains Tun Syed Sheh Shahbudin, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, SMK St. Michael, Ipoh, Perak, SMK Labuan, WP Labuan dan SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur. Peringkat akhir Kuiz Sains Nasional 2005 telah diadakan di Auditorium, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Acara tersebut telah dihadiri oleh YB. Dato' Kong Cho Ha, Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Pemenang Kuiz Sains Nasional 2005 adalah SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur dan pelajar terbaik adalah Chiong Khai Xiang yang juga dari SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur. Pemenang mendapat Trofi Cabaran Perdana Menteri, lawatan sambil belajar ke Sweden dan Denmark, sijil dan hadiah tunai.

Tahun ini menyaksikan penambahan dari segi bilangan sekolah yang mengambil bahagian

NATIONAL SCIENCE QUIZ 2005

Once again, the Academy of Sciences Malaysia organised the National Science Quiz in collaboration with the Ministry of Science, Technology and Innovation, Ministry of Education and Novozymes Malaysia Sdn Bhd. Reaching out to all the 15 states, this year, 1408 schools participated in the National Science Quiz. The first round of written test was conducted throughout Malaysia on 23 April 2005, State level on 25 June 2005 and the Zone Level on 16 August 2005.

